

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

Jilid IV Bil. 6 Hari Rabu 20 Mei 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
**(Ruangan )**

## **USUL:**

**Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong**  
*- Y.B. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin*

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Pertama  
Penggal Keempat  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,  
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K.,  
D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,  
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P.  
(Melaka)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M.  
(Kedah)

“ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P.  
(Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah  
Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -  
Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,  
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K.,  
J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,  
J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.  
(Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l  
Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T.  
(Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,  
A.M.S.  
(Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato' Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,  
P.J.K.,  
J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/  
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd.  
Yusop, P.P.N.  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

**PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutualib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 20 Mei 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BERAS WANGI - BAHAN PENGAWETAN**

1. **Dr. Yeow Seng Huat** minta Menteri Pertanian menyatakan: -

- (a) adakah kementeriannya menyedari bahawa beras wangi yang dijual di negara kita bukannya dari jenis ‘asli’ tetapi keharumannya berpunca daripada bahan pengawetan; dan
- (b) adakah bahan pengawetan itu berbahaya.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian tidak menyedari wujudnya pengawetan keharuman dalam beras wangi yang dijual di negara ini. Walau bagaimanapun, maklum balas yang diterima dari Bernas atau Padi Beras Negara Berhad iaitu pengimportan

tunggal beras di negara ini adalah dari jenis beras asli tanpa mengandungi apa-apa bahan pengawet.

- (b) Berkaitan dengan keselamatan penggunaan bahan pengawet seperti yang dipersoalkan, kementerian memerlukan aduan yang spesifik mengenai jenama beras atau penjual beras yang berkenaan untuk pihak kementerian mengambil contoh beras wangi tersebut dan dianalisis oleh Jabatan Kimia.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian sama ada permintaan terhadap beras wangi ini begitu banyak dan boleh menguntungkan pihak-pihak yang menjalankan perniagaan beras wangi. Kalau demikian, mengapakah kerajaan kita tidak berusaha untuk mengeluarkan beras wangi tempatan, sama ada beras wangi ini diimport selain dari Thailand termasuk Indonesia ataupun sebagainya?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui pada masa ini dasar kementerian akan mengeluarkan beras sehingga sebanyak 65% sahaja sedangkan pada masa ini kita mengeluarkan hampir 72% setahun daripada keperluan beras negara. Oleh kerana teknologi untuk mengeluarkan beras wangi ini agak tinggi dan memerlukan kepada modal yang agak lebih, maka pada masa ini kementerian tidak lagi menggalakkan pengeluaran beras wangi malah kita cuba hendak melengkapkan beras super seberapa yang boleh.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian menyedari bahawa terdapat penjual-penjual yang melabelkan beras-beras ini dengan label super grade wangi, saya tak tahu apa lagi super-super di situ dia tulis, tetapi bila kita masak, bila kita gunakan dia tidak wangi langsung. Jadi, saya tidak tahu sama ada ini penyelewengan dari segi labelnya atau memang beras itu super wangi tetapi mungkin sudah terlalu lama sehingga keharumannya hilang.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Dalam kategori beras kita ini ada empat jenis beras wangi, wangi super tak adalah, beras super terbahagi kepada tiga, super A - 5% sahaja beras patah atau beras hancur, super B - 10% beras hancur, super C - 15% beras hancur dan beras standard iaitu kira-kira lebih daripada 15% beras hancur itu dipanggil beras standard dan beras premium.

Jadi, kalau itu diperolehi saya rasa tindakan boleh diambil kerana kita telah pun memastikan kualiti beras itu, tetapi memerlukan laporan dan kementerian akan membuat siasatan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Bagaimanakah nama wangi ini diberi kepada beras dan adakah beras wangi yang diimport oleh Bernas ini dibawa dari negara Thai ianya sudah wangi ataupun diwangikan di negara kita? *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang beras wangi yang diimport itu memang wangi daripada negara asalnya lagi dan sebab itu saya kata tadi, kementerian tidak sedar jika adanya pengawetan untuk menjadikan ia wangi. Jadi, begitu juga saya rasa tidak hairanlah kerana teknologi di negeri Thai ini dijalankan oleh private sector, jadi mereka boleh membuat R&D dengan lebih maju kalau hendak dibandingkan dengan negara kita.

Begitu juga di negara Thai, kita dapati ada pengeluaran tanaman yang lebih ke depan misalnya asam jawa manis, tetapi saya tak tahulah, sepatutnya asam itu masam, tetapi dia kata asam jawa manis, kelapa pandan wangi dan lain-lain lagi. Jadi, ini memerlukan teknologi dan pihak swasta sepatutnya memainkan peranan yang sama di negara kita.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mendapat penjelasan sedikit lagi? Fasal sebutan R&D tadi ini di negara Thai ia lebih tinggi, lebih maju daripada Malaysia, adakah pihak kerajaan dengan adanya semangat Asean untuk menghantar pegawai-pegawaiannya untuk membuat R&D supaya tahap

penyampaian R&D Malaysia dengan Thailand itu akan sampai ke satu tahap yang boleh membawa keuntungan dan manfaat kepada negara Malaysia, dalam segi beras sahaja bukan dari segi yang lain.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, kalau private sector yang menjalankan R&D itu, segala penemuan-penemuan baru adalah merupakan rahsia mereka. Tidak sebagaimana kita di jabatan, jabatan demi jabatan kita bertukar-tukar penemuan, tetapi pihak private sector di mana negara sahaja pun agak sukar untuk diperolehi maklumat-maklumat mereka.

Jadi, sebab itu kita menggalakkan private sector di Malaysia hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif lagi supaya industri pertanian kita setanding dengan negara-negara maju yang lain.

### **GEJALA SOSIAL - PENDERAAAN KANAK-KANAK DAN PEMBUANGAN BAYI**

2. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi yang dilaporkan berlaku dari tahun 1997 hingga Mac 1998. Nyatakan apakah asas-asas berlakunya dan usaha-usaha di segi perundangan dan pendekatan khidmat masyarakat bagi menyedari dan membanteraskan gejala sosial yang sudah tidak sihat ini.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamaraus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, jumlah kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1997 hingga Mac 1998 adalah seramai 1,384 orang. Bagi kes pembuangan bayi yang dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat dan telah dimasukkan ke rumah kanak-kanak di bawah kementerian ialah seramai 63 orang. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat penderaan kanak-kanak berlaku kerana faktor-faktor seperti berikut:-

- (i) tekanan dan masalah sosial dan ekonomi dalam hidup seharian dan kanak-kanak dijadikan objek melepaskan geram;
- (ii) perceraian suami isteri yang menyebabkan kanak-kanak dipelihara oleh ibu bapa tiri, saudara-mara di mana kanak-kanak menjadi mangsa penderaan akibat daripada penjaga yang tidak sabar dalam mengasuh dan mendidik kanak-kanak di bawah jagaan;
- (iii) ibu bapa yang kurang pengalaman dalam pengasuhan kanak-kanak serta tidak tahu tentang peranan dan tanggungjawab mereka di samping tidak mendapat sokongan keluarga dan masyarakat;
- (iv) harapan ibu bapa terhadap anak-anak yang terlalu tinggi dan melebihi keupayaan mereka; dan
- (v) ibu bapa pendera tidak sabar berhadapan dengan kerohanian anak-anak yang tidak dapat memenuhi kehendak mereka.

Dari segi perundangan kerajaan telah mewujudkan Akta Perlindungan Kanak-kanak (APKK) 1991 di mana pendera boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu, pihak polis juga boleh mengambil tindakan dan membuat pendakwaan di mahkamah di bawah peruntukan Kanun Keseksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi pendekatan khidmat masyarakat pula, Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan untuk melahirkan kesedaran masyarakat melalui aktiviti-aktiviti dan program seperti berikut:-

- (a) mewujudkan serta meningkatkan keberkesanan pasukan pelindung kanak-kanak yang telah ditubuhkan di peringkat

- negeri, daerah dan kawasan melalui pelbagai aktiviti yang bersifat pencegahan, pembangunan serta inovasi;
- (b) menubuhkan pusat aktiviti kanak-kanak di peringkat daerah supaya masyarakat tempatan boleh memberi perkhidmatan sokongan dan menyertai program-program untuk kanak-kanak dan keluarga yang berisiko tinggi; dan
- (c) mengadakan perkhidmatan Teledera 24 jam talian bebas tol nombor 1800883040 yang telah diperkenalkan semenjak tahun 1993 untuk membolehkan orang ramai menyampaikan maklumat tentang penderaan kanak-kanak kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes pembuangan bayi pula di antara faktor-faktor yang telah dikenal pasti adalah dipercayai berpunca dari:

- (i) ibu yang mengandung di luar nikah takut memaklumkan kepada keluarga mereka;
- (ii) anak buangan berada dalam keadaan cacat dan tidak dapat diterima oleh ibu bapanya;
- (iii) perbalahan atau perselisihan dalam rumah tangga;
- (iv) isteri yang ditinggalkan tidak mampu menanggung anak yang dilahirkan; dan
- (v) sengaja ditinggalkan oleh pasangan yang tidak mahu bertanggungjawab.

Di antara langkah-langkah pencegahan yang diambil adalah seperti menyelamatkan dan melindungi kanak-kanak terbuang itu di rumah kanak-kanak dan menyarankan melalui media massa agar individu yang tidak mahukan anaknya atau tidak berkemampuan untuk menjaga anaknya mendapatkan khidmat nasihat serta pertolongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pihak berkuasa mengenal pasti agama ibu bapa yang

membuang bayi ini dan sekiranyamereka adalah orang Islam, bagaimanakah pihak berkuasa dapat menentukan supaya bayi ini akan terus berada dalam agama Islam sama ada melalui rumah-rumah kebajikan ataupun diangkat.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan saya yang awal iaitu saya rasa Ahli Yang Berhormat tentu menyentuh berkenaan dengan 63 orang yang dimasukkan ke rumah kanak-kanak iaitu yang hidup dan tidak ada penyakit mengikut Jabatan Kesihatan ataupun doktor.

Jadi, bagaimana kita dapat tahu iaitu yang beragama Islam tidak dapat dialih, saya rasa rumah kanak-kanak yang dijaga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat memang mengetahui sekiranya anak-anak ini apabila dimasukkan ke rumah kanak-kanak tentu memikirkan supaya anak-anak ini boleh difikirkan oleh jabatan bagaimanakah kalau dia ini tidak ada orang yang memeliharanya kemudian hari, tentu saya rasa orang ini dimasukkan sebagai beragama Islam kerana ini adalah agama rasmi negara kita.

Jadi, bagaimana kalau dia beredar, saya fikir mungkin ini tidak akan berlaku tetapi kalau ada kes Ahli Yang Berhormat mengetahui ada yang sudah beredar boleh diberitahu kepada kementerian supaya perkara ini dapat disiasat.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, terima kasih kepada Yang Berhormat menjawab soalan tadi, tetapi tidak menyebut bahawa hukuman mereka yang membuang anak atau yang membuang bayi itu, hari ini pun berlaku di negara Barat menanam anak hidup-hdiup lagi. Jadi, apakah hukuman yang lebih berat untuk mengelakkan perkara ini dari berlaku sepanjang masa?

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembuangan bayi ini, yang mati itu tidak ada apa-apa, kalau tidak ada dakwaan daripada pihak polis, tetapi yang hidup itu yang dibawa ke rumah kanak-

kanak dan dijaga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, bagi pihak ini berapakah hukuman yang membuang bayi kerana tidak dapat diketahui siapakah yang membuang bayi itu, jadi tidak ada hukumanlah. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada kes-kes penderaan sebanyak 1,384 yang disebutkan tadi, apakah latar belakang kepada ibu bapa ataupun pihak yang melakukan penderaan ini dan apakah tindakan pihak kementerian kepada mereka yang mendera dan kepada anak-anak yang telah pun didera, tindakan kaunseling maksud saya memulihkan psikologi dan juga memulihkan masa depan bagi anak-anak yang telah terdera itu supaya mereka dapat menjalani hidup mereka pada masa yang akan datang tanpa ada gangguan psikologi dalam hidup mereka dan juga kepada ibu bapa ataupun keluarga yang mendera supaya mereka tidak meneruskan lagi tindakan mereka itu.

Apakah tindakan kementerian untuk memulihkan keadaan ini bagi mereka yang telah pun melakukannya dan juga yang telah ditimpa oleh penderaan ini.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang disebutkan tadi tahun 1997 dan sehingga Mac 1998 sebanyak 1,384, yang dibawa ke mahkamah ialah 895 kes.

Jadi, yang tidak dibawa ke mahkamah iaitu lebih kurang 35.8%, ertiya yang tidak dibawa ke mahkamah itu memang diberi nasihat, diberi tunjuk ajar dan dibimbing oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dibantu oleh badan-badan pendamai di dalam daerah ataupun di dalam kawasan.

Jadi, kes sebanyak 895 yang dibawa ke mahkamah ini ialah ada yang dihantar pulang kepada ibu bapa selepas diberi tunjuk ajar dan bimbingan, ada yang masih dalam court case dan ertiya bukan semua pendera ini dibawa ke mahkamah, hanya 895 kes sahaja. Ertinya kementerian menerusi Jabatan

Kebajikan Masyarakat memang seboleh-bolehnya memberi bimbingan kepada keluarga supaya perkara ini tidak timbul lagi.

Jadi, oleh kerana itu sebagai jawapan pendek, memang kementerian dengan jabatan bersungguh-sungguh supaya perkara ini tidak jadi lagi apabila mereka sudah pulang kepada ibu bapa mereka.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pencegahan adalah lebih baik daripada remedy, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa salah satu badan ditubuhkan oleh kementerian ialah pasukan pelindung kanak-kanak.

Soalan saya ialah siapakah yang menganggotai pasukan pelindung kanak-kanak ini, bagaimanakah ianya beroperasi dan sejauh manakah setakat ini pasukan ini berjaya mencegah gejala-gejala yang disebutkan sebagai masalah.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, badan pelindung kanak-kanak ini telah ditubuhkan di seluruh daerah dan kawasan di seluruh negara. Jadi, tentu sekali kita tahu di dalam satu daerah itu memang ada ketua-ketua masyarakat dan mereka yang memberi pertolongan sebab memang bagi rakyat kita di Malaysia ini memang banyak yang akan memberi pertolongan, jadi Jabatan Kebajikan Masyarakat tentu memilih orang itu kalau Cina tentu kapitan, Melayu - ketua kampung ataupun penghulu, di Sarawak dan Sabah begitu juga tuan rumah dan sesiapa yang lain dapat membantu menolong sebagai badan pendamai ataupun menolong Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memberi nasihat dan bimbingan.

#### **SYARIKAT RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI - PERKONGSIAN KEMUDAHAN PENYIARAN**

3. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan setelah nasihat diberi untuk mengurang kos pembiayaan:-

- (a) berapakah syarikat telekomunikasi berkongsi dan gunasama kemudahan infrastruktur terutamanya kemudahan penyiaran; dan
- (b) apakah masalah utama yang dihadapi oleh syarikat-syarikat tersebut dalam proses berkongsi dan gunasama kemudahan-kemudahan tertentu.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) tujuh buah syarikat pengusaha rangkaian dan perkhidmatan telekomunikasi telah berkongsi kemudahan infrastruktur terutamanya kemudahan untuk penyiaran seperti menara, sesalur dan stesen radio komunikasi.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pengusaha-pengusaha rangkaian dan perkhidmatan telekomunikasi tidak menghadapi masalah dalam proses berkongsi kemudahan yang tersebut kerana perjanjian persefahaman antara mereka telah pun dimeterai terlebih dahulu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini saya terbaca di dalam akhbar, pihak Telekom tidak akan mengkaji semula untuk mengurangkan sewa bulanan telefon bimbit, adakah kadar sewa RM60 sebulan ini dipersetujui oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji semula, sebab ini adalah rungutan daripada Fomca dan juga daripada orang ramai terutama sekali rakyat yang berpendapatan rendah sebab telefon bimbit ini sudah menjadi satu keperluan, bukan lagi satu keistimewaan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kementerian memang tidak bersedia untuk mengkaji semula tentang dasar capping

ini, capping iaitu bayaran bulanan ataupun bayaran laluan ini maksimumnya ialah RM60 tetapi pihak pengusaha khususnya pihak pengusaha yang mengendalikan perkhidmatan cellular ini digalakkan untuk mengurangkan ataupun menurunkan harga sewa bulanan ini.

Walau bagaimanapun, setakat ini banyak pengusaha telah pun mengeluarkan pelbagai pakej sebagai strategi pemasaran masing-masing dan secara tidak langsung bayaran ini telah pun dikurangkan tetapi bagi pihak kementerian kita lebih suka kalau sekiranya mereka boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang lain seperti merger antara satu sama lain supaya investment ini tidak di ‘duplicate’, dengan cara ini kos untuk menjalankan perkhidmatan cellular ini dapat dikurangkan, kalau mereka dapat menjalankan mengikut nasihat kementerian untuk merge supaya dapat mengurangkan kos mengendalikan operasi ini, maka memang ada kemungkinan bagi mereka untuk mengurangkan caj sewa bulanan ini kerana untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini antara lapan pengusaha yang menjalankan perkhidmatan cellular ini ada enam buah syarikat yang berkenaan masih menghadapi kerugian yang agak serius.

#### **KEMUDAHAN SUKAN DAN REKREASI - KEPERLUAN HINGGA TAHUN 2000**

**4. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah hasil kajian dari pengumpulan maklumat kemudahan sukan dan rekreasi di seluruh negara yang dijangka siap pada tahun 1997. Dari kajian tersebut apakah pelan yang telah digubal untuk memenuhi keperluan hingga tahun 2000.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, penyediaan pelan kemudahan sukan jangka panjang amatlah diperlukan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Trend masyarakat Malaysia kini menunjukkan bahawa terdapatnya peningkatan minat dan kesedaran masyarakat

mengambil bahagian di dalam pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi di samping kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kecergasan dan kesihatan.

Perancangan pembangunan kemudahan sukan di seluruh negara ini amat diperlukan bagi menyediakan garis panduan penyelarasan pembangunan di antara agensi-agensi kerajaan dan dapat mengelakkan pertindihan fungsi dan juga memudahkan penyelarasannya.

Dari maklumat ini juga, Kementerian Belia dan Sukan berharap akan dapat membuat cadangan bagi mempertingkatkan standard kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada di seluruh negara. Pihak kementerian akan menjadikan German Golden Plan sebagai contoh pembangunan kemudahan sukan di mana negara Jerman telah berjaya melahirkan sebuah masyarakat yang aktif di dalam sukan dan rekreasi di samping melahirkan jaguh-jaguh sukan bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pengumpulan maklumat kajian pembangunan kemudahan sukan dan rekreasi tahun 1997 telah selesai dilaksanakan. Walau bagaimanapun, hasil kajian masih belum lagi dapat disiapkan oleh kerana pihak Kementerian Belia dan Sukan baru sahaja dapat melantik perunding tempatan untuk membuat penganalisaan kepada maklumat yang telah dikumpulkan.

Juruperunding ini telah diminta untuk menyediakan pelan pembangunan kemudahan sukan yang dirangka bukan sahaja memenuhi keperluan jangka pendek malahan memenuhi keperluan jangka panjang pembangunan dan penggalakan sukan negara kita.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana di tahun lepas kita telah diberi peruntukan lebih kurang RM20,000 untuk membina kemudahan gelanggang serbaguna. Malangnya

sehingga hari ini ianya tidak dapat dilaksanakan oleh sebab ianya mesti dilaksanakan oleh badan-badan yang menjalankan kegiatan sukan.

Jadi, secara kebetulan di daerah saya di sebelah Pensiangan tidak ada badan sukan yang menjalankannya kecuali seperti yang kita buat, sebagai makluman Ahli-ahli Dewan Negara, diberikan peruntukan dan dibuat seperti sebagaimana sebelumnya, tidak melalui mana-mana badan sukan. Bolehkah kementerian ini memberi kelonggaran supaya yang penting di sini kita laksanakan tugas kita untuk membuat kemudahan untuk para belia kita.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, apabila peruntukan itu diluluskan oleh Kementerian Belia dan Sukan kita perlu mengeluarkan satu garis panduan seperti apa yang dikatakan. Sekiranya garis panduan yang dikeluarkan ini tidak dapat diikuti di tempat-tempat yang spesifik, kita harap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan boleh datang ke kementerian supaya berbincang dengan kita. Kemungkinan sahajalah – kita tengok keadaan kawasan itu. Kemungkinan kita boleh memberikan sedikit sebanyak kelonggaran, sekiranya boleh.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah pihak Kementerian Belia dan Sukan pernah membuat kajian berapa peratuskah minat rakyat Malaysia dalam semua peringkat terhadap menghidupkan budaya sukan?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada buat kajian seperti itu tetapi hasil kajian itu tidak berapa tepat, jadi hingga hari ini tidak melebihi 20%, saya ingat kalau tidak silap, sedikit – 15%. Itu sahaja yang terlibat dalam gaya hidup yang ada kaitan dengan sukan. Jadi, ini adalah satu keadaan yang tidak sihat kerana kita nampak sukan adalah penting bukan sahaja untuk orang muda tetapi untuk orang senior – bukan orang tua. Jadi, kita sekarang ini mengadakan karnival sukan seperti Program Sukan Untuk Semua, kita meminta semua rakyat melibatkan diri dalam satu-satu aktiviti sukan, tidak perlu aktiviti yang cergas atau

kuat sangat – seperti tai chi dan sebagainya, itu yang boleh kita jalankan. Di Jerman kita nampak lebih kurang 50% rakyat melibatkan diri dalam aktiviti sukan setiap hari. Itu satu keadaan yang sihat.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Soalan ini ada kaitan dengan satu bukit yang dipunyai, kemungkinan oleh keluarga Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan iaitu Bukit Jalil. *[Ketawa]*

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan yang mana kita dimaklumkan, sebuah daripada kompleks sukan di Bukit Jalil dimaklumkan telah disabotajkan. Saya ingin mendapat penjelasan dan pandangan dan saya ada satu cara yang mengatakan kemungkinan ianya tidak disabotajkan. Ianya adalah satu helah/teknik pemaju. Kemungkinan tidak dapat menyiapkan mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak kerajaan tetapi untuk mencari jalan penyelesaiannya diubah mengatakan ianya telah sabotaj. Kalau ianya benar sabotaj, saya mengharapkan pihak kerajaan harus juga berhati-hati supaya tidak banyak lagi kompleks sukan yang dibina sempena dengan Sukan Komanwel ini disabotajkan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada perhatian Yang Berhormat yang berkenaan dan juga cadangan yang telah disebutkan tadi. Kementerian Belia dan Sukan sedang menyiasat melalui laporan polis. Laporan polis telah dibuat dan siasatan sedang dijalankan dan kita berasa amat kesal dan sedih mengapa vandalisme ini berlaku. Ini tentulah suatu yang tidak bertanggungjawab dan tidak patriotisme. Walau bagaimanapun, apabila siasatan polis itu sedang dijalankan, Kementerian Belia dan Sukan baru pagi ini dimaklumkan berkenaan dengan vandalisme ini dan kita akan mengambil tindakan supaya tahap keselamatan – bukan sahaja di Bukit Jalil, tetapi tempat-tempat atau venue-venue lain di mana acara-acara Sukan Komanwel akan dijalankan. Bagi venue yang telah dibina, kita akan mempertingkatkan tahap keselamatan di tempat-tempat ini supaya vandalisme ini tidak akan berlaku lagi.

### **MEMULIHKAN BANKING DI MALAYSIA - JUMLAH WANG DIPERLUKAN**

5. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim [di bawah S.O 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlah wang yang diperlukan oleh bank-bank di seluruh Malaysia untuk ‘recapitalisation’ atau ‘merger’ untuk memulihkan banking di Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan institusi kewangan di Malaysia adalah kukuh. Berdasarkan kepada penilaian dan ujian tekanan Bank Negara Malaysia ke atas kedudukan kewangan institusi-institusi perbankan, hanya sebuah bank perdagangan dan dua buah syarikat kewangan kecil yang memerlukan tambahan modal untuk memenuhi keperluan minimum Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR), sekiranya keadaan paling buruk berlaku. Institusi kewangan berkenaan adalah Bank Bumiputra Malaysia Bhd. yang mungkin memerlukan suntikan modal tambahan sebanyak RM750 juta, Abrar Finance Bhd. - RM7 juta dan Chempaka Finance Bhd. - RM25 juta.

Bagi Bank Bumiputra Malaysia Bhd. kerajaan telah pun memberi komitmen untuk menyuntik modal tambahan sekiranya diperlukan, manakala bagi Abrar Finance Bhd. dan Chempaka Finance Bhd. kedua-duanya sedang dalam peringkat pelaksanaan penggabungan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam hubungan ini bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu bilakah akan diberikan status komersial kepada Bank Rakyat untuk merger dengan Bank Islam?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum, Bank Rakyat bukan sebuah bank perdagangan. Ianya merupakan sebuah syarikat kerjasama. Jadi, satu daripada cara untuk mengembangkan lagi potensi Bank Rakyat ialah memberikan status perdagangan (commercialisation). Jadi, perkara ini merupakan satu perkara yang sedang dibahaskan kerana sebagai sebuah koperasi yang sangat berjaya di negara ini, selepas berlaku kegawatan pada tahun 1975 dahulu, sekarang Bank Rakyat ialah satu institusi yang teguh. Banyak

dari pada ahli Bank Rakyat memikirkan bahawa status koperasi itu dikekalkan dan banyak pula yang mahu ianya di‘commercialise’kan, dengan izin. Jadi, persoalan ini masih lagi di dalam pertimbangan.

Mengenai dengan penggabungan dengan institusi seperti KUB dan juga Bank Islam telah pun saya jawabkan bahawa ianya masih dalam kajian. Insya-Allah, kalau sesuai masanya nanti digabungkan, kalau tidak sesuai tidak digabungkan tetapi keputusan muktamad adalah di dalam tangan Kabinet.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita telah pun mendengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan menyatakan bahawasanya sistem perbankan negara kita ini tidak memerlukan suntikan. Saya kurang jelas apa maksudnya ianya tidak memerlukan suntikan kerana pada masa yang sama bank-bank ini masih lagi tidak mempunyai kecairan dana yang mencukupi untuk diberikan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi sehingga pihak kerajaan terpaksa membuat suntikan menerusi TPU ataupun mikro kredit yang lain dan sebagainya.

Jadi, apakah kedudukan yang sebenarnya apabila dikatakan tidak memerlukan suntikan – bukan dari segi saham tetapi dari segi kecairan dana untuk bank-bank ini mengeluarkan wangnya untuk membiayai syarikat-syarikat?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz adalah seorang bekas banker, dia ini sudah tahu bertanya pula. *[Ketawa]* Tetapi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, apabila saya menyebutkan mengenai dengan stress test ataupun ujian tekanan tadi, bukan bermaksud bahawa tiga bank yang saya sebut tadi memerlukan modal itu sekarang. Ianya bermaksud bahawa bank itu di dalam worse case scenario – dalam keadaan yang teruk, misalannya complete run of the bank, semua pendeposit hendak mengambil, barulah perlu disuntikkan, misalannya Bank Bumiputra Malaysia Bhd. - RM750 juta, barulah masa itu – tetapi bukan diperlukan sekarang, selepas ditest.

Misalannya, ini boleh kita ambil analogi sebagai kita pergi physical test heart kita, selepas stress test di atas mesin itu ianya menunjukkan bahawa tidak ada coronary vessel yang blocked, sebenarnya yang ditunjukkan tiga ini ada blocked sedikit tetapi belum memerlukan coronary by-pass. *[Ketawa]* Itulah analoginya. Jadi, ketiga-tiga institusi kewangan ini, ia hanya menunjukkan Capital Adequacy Ratio di bawah paras 8% iaitu paras yang diterima oleh Konvensyen International iaitu Persefahaman Antarabangsa bahawa ia memerlukan suntikan apabila keadaan teruk, tetapi sekarang ia tidak perlu lagi cuma ditunjukkan. Ini sahaja tiga dan satu dahulu Sime Bank, Sime Bank telah pun diatasi masalahnya dan saya hendak tekankan ini sahaja tiga kepada Press khususnya kerana Press selalu mengatakan saya kata ada lagi. Ini tiga sahaja yang ada sekarang. Kedudukan perbankan kita cukup kukuh dan inilah yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa tidak ada bank yang memerlukan suntikan sekarang. Stress test menunjukkan ia perlu suntikan apabila keadaan yang teruk berlaku, sekarang tidak perlu lagi.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang banker tetapi kerja saya ialah untuk menolong bank mendapatkan wangnya balik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali dari segi kedudukan bank apabila kita hendak satukan ialah kita mesti tahu hutang lapuknya dahulu, dengan izin, this is very important. *[Ketawa]* Jadi, pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyatakan bahawa dalam 38 buah bank yang kita ada sekarang ini – yang hendak disatukan menjadi 10 buah akhirnya iaitu Loan Lost Provision seperti mana yang dikatakan tadi iaitu RWCR, dalam bahasa Melayunya Nisbah Modal Yang Berisiko – jadi, itu dalam bahasa Melayunya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dalam 38 buah bank ini berapa banyak hutang lapuk yang tidak berbayar supaya bila mereka hendak satukan, yang pertama sekali hendak tengok 38 bank ini, misalannya Rashid Hussien Bank, Malayan Banking, *[Disampuk]* tidak masuk Bank BumiputraLah kerana ia sudah kurang daripada 8% tadi you punya RWCR, jadi

bank-bank yang ada ini yang berkenaan. Macam bank lain – bank luar, bank asing, semua dapat untung – misalannya City Bank, Hong Kong Bank.

Tuan Yang di-Pertua, yang satu lagi saya hendak tanya sedikit ialah mengapa kerajaan memberi pinjaman kepada MTD – syarikat yang membuat tol ini termasuk tol ke Karak dan Bentong ini, ditinggikan dan dicajkan banyak-banyak lagi tetapi mendapat pinjaman daripada kerajaan dengan dipanggilkan ‘pinjaman mudah’ – 6% sahaja tetapi sebaliknya penduduk menghadapi kesusahan untuk membayar tol yang lebih tetapi MTD dapat pula pinjaman daripada kerajaan dengan 6% pinjaman. Kalau begitu baik tolong rakyat miskin dengan mendapatkan rumah-rumah murah dengan 6% sahaja pinjaman daripada kerajaan pula. Dua soalan sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ucapan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi. *[Ketawa]* Saya ingat dia hendak bertanya soalan mengenai dengan bank. Saya siapkan NPL, tahu-tahu akhirnya dia bertanya mengenai MTD. Jadi, saya akan menjawab soalan MTD dahululah kerana ini untuk peluang dia balik ke Pahang dengan senang.

Tuan Yang di-Pertua, memang dasar kerajaan menolong mana-mana syarikat yang membuat infrastruktur sebagai bantuan awal yang diberi soft loan daripada sumber kerajaan sendiri, bukan daripada institusi kewangan. Misalannya dahulu PLUS kita beri soft loan untuk mereka menjalankan usaha ini kerana dari segi kerajaan soft loan ini akan menolong syarikat itu membina dengan mengurangkan tanggungannya yang banyak kerana pulangan kepada syarikat yang mendapat konsesi macam MTD, macam PLUS dahulu adalah besar dan pulangan datang balik kepada mereka mengambil masa yang lama – 10 tahun, 15 tahun dan dasar kerajaan ialah menolong dengan memberi modal yang senang dan murah daripada sumber kerajaan sendiri, bukan daripada bank.

Mengenai dengan kedudukan kekuahan bank, bank kita walaupun dalam kegawatan setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, kita membahagikan institusi kewangan kepada tiga iaitu satu, bank perdagangan (commercial bank) seperti Bank

Bumiputra, Malayan Banking dan lain-lain lagi, syarikat kewangan dan juga bank saudagar. Mengikut statistik yang ada pada kita pada masa sekarang, bank perdagangan kita mengikut non-performing loan yang dikira pada kadar yang cukup severe, dengan izin, masih lagi di bawah paras 8% dalam keadaan sekarang. Yang paling tinggi ialah bank saudagar yang mempunyai dekat dengan 10%. Jadi, dalam hal ini kita masih lagi rendah – non-performing loan kita masih lagi rendah jika dibandingkan dengan negara Thailand yang 30% lebih, Indonesia dekat 50%.

Jadi, kedudukan non-performing loan bank kita ini adalah cukup selamat dan sebab itu kita berani mengatakan bahawa sistem perbankan kita adalah masih kukuh. Saya ingin menekankan lagi di sini bahawa petunjuk Capital Adequacy Ratio itu adalah lebih penting kerana ianya merupakan apa Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki cakap tadi, tentang kecairan. Kecairan itu penting kerana mengikut keseluruhan institusi kewangan kita mempunyai Capital Adequacy Ratio melebihi 10% hingga 11% iaitu 3% di atas paras bahaya, 8% peratus dikatakan minimum, di bawah 8% ianya merupakan satu paras yang bahaya, yang tidak berapa selamat tetapi keseluruhan purata sistem perbankan dan institusi kewangan kita adalah dekat dengan 11%. Ini adalah satu petunjuk yang kuat dan ada bank kita yang menunjukkan sehingga 20%, misalannya Malayan Banking menunjukkan Capital Adequacy Ratio yang tinggi dan juga Malayan Banking baru-baru ini telah memperlihatkan keuntungan yang sungguh menggalakkan. Jadi, pada keseluruhannya Tuan Yang di -Pertua, sistem perbankan kita adalah kukuh dan tidak memerlukan suntikan ataupun bantuan daripada IMF seperti mana negara-negara lain.

#### **LESEN MENCETAK/MENGEDAR SURAT KHABAR DI SABAH – PERATURAN KERAJAAN**

6. **Tuan Jinuin bin Jimin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah lesen mencetak dan mengedar surat khabar di Sabah setakat ini. Adakah pencetak-pencetak yang dipanggil oleh kementerian kerana tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan April 1998, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan sejumlah 85 Lesen Mesin Cetak dan 15 Permit Penerbitan untuk menerbitkan akhbar di negeri Sabah. Pada tahun ini (Januari hingga April 1998) hanya seorang pencetak sahaja yang telah dipanggil oleh kementerian ini kerana telah melanggar syarat-syarat Lesen Mesin Cetak yang telah ditetapkan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan bukan ucapan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, apakah beliau sedar di Sabah ada juga surat khabar yang diedar tanpa kebenaran iaitu akhbar *Harakah*. *Harakah* telah diedarkan di Sabah dan kita tahu *Harakah* ini diberi kebenaran untuk menjual akhbar ini kepada ahli-ahli sahaja. Pihak Kementerian Dalam Negeri ada membuat kenyataan sebelum ini bahawa akan diambil tindakan, jika akhbar *Harakah* ini dijual kepada orang ramai, ini termasuk di Sabah jugalah – kepada orang ramai, maknanya setakat ahli-ahli sahaja. Jadi, saya hendak bertanya apakah tindakan yang telah diambil. Kalau buat kenyataan akan diambil tindakan tetapi tindakan yang tidak berkesan, kenapa tidak diberi lesen sahaja supaya dijual kepada orang ramai sebab kita tidak mahu undang-undang kita ini menjadi mockery – apabila kita katakan bahawa lesen itu untuk ahli-ahli sahaja, maka ia terhad kepada ahli-ahli sahaja tetapi akhbar *Harakah* dijual di merata tempat termasuk Sabah dan Sarawak – diedar di merata tempat. Jadi, apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya akhbar *Harakah* ini, ianya bukan merupakan surat khabar harian ataupun mingguan tetapi ianya dikeluarkan untuk ahli-ahli sahaja dan memang susah bagi kita untuk menetapkan bahawa yang membeli akhbar ini hanya ahli-ahli – PAS misalnya tetapi walau bagaimanapun, selepas kita mengarahkan supaya akhbar ini tidak dijual kepada orang ramai tetapi ditetapkan hanya kepada ahli,

maka bilangan orang yang dapat membeli akhbar ini berkurangan dan apabila disebut – saya pun akan check balik sama ada akhbar ini dijual di Sabah tetapi ahli PAS ini sampai ke Sabah pun ada. Jadi, amat susah bagi kita untuk menetapkan bahawa yang membeli akhbar ini hanya ahli-ahli yang boleh membeli akhbar *Harakah* ini. Bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat tadi akan kita ambil sebagai panduan di masa akan datang.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut penjelasan yang diberikan, untuk Sabah 15 lesen yang telah dikeluarkan dan kalau benarlah ada salah sebuah daripada akhbar yang telah dipanggil, kalau namanya daripada *Harian Waktu* barangkali tepatlah sebab saya difahamkan bahawa *Harian Waktu* ini seperti juga *Harakah* tidak mempunyai kebenaran untuk menjual. Begitu juga dari segi kandungannya, saya mohon supaya Kementerian Dalam Negeri menyemak sebab baik *Harian Waktu* dan *Berita Sabah*, ia berhabis-habisan menghentam Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah. Jadi, kita memohon supaya kementerian mengambil tindakan wajar untuk mencari jalan supaya kedua-dua akhbar ini, seandainya menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan supaya ianya ditutup sahaja.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya 15 akhbar yang telah diberi kebenaran untuk dikeluarkan di Sabah – bahasa Melayu (Mingguan) 2 iaitu *Harian Mercu* dan *Akhbar Waktu*; – bahasa Inggeris *Corridor*, *Harian*; – bahasa Cina *Overseas Chinese Daily News*, *Asia Times*, *See Hwa Daily News*, *Morning Post*, *Merdeka Daily News*, *CBS News* – pelbagai bahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) *Berita Sabah*, *Media CBS*; dan pelbagai bahasa (bahasa Melayu, Inggeris dan Kadazan Dusun) *Daily Express*, *Harian*, *Borneo Mail*, *Borneo Post*, *New Sabah Times*. Akhbar yang kita panggil ini sebenarnya adalah kerana lesennya telah mati.

**SURAT LAMBAT SAMPAI KE DESTINASI –  
LANGKAH KERAJAAN**

7. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah surat-surat yang sering lambat sampai ke destinasi sungguhpun dalam negeri.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos melalui Jabatan Pos sebagai badan kawal selia, sentiasa berusaha bagi memastikan kualiti perkhidmatan pos sentiasa berada pada tahap yang dapat memuaskan hati para pengguna. Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian setakat ini termasuk:

- (a) menetapkan tahap piawaian serahan yang perlu dilaksanakan oleh Pos Malaysia iaitu:
  - (i) D+1 (Serahan mel akan dibuat pada hari bekerja berikutnya) bagi serahan tempatan;
  - (ii) D+2 (Serahan mel akan dibuat pada dua hari bekerja berikutnya) antara bandar-bandar utama; dan
  - (iii) D+3/4 (Serahan mel akan dibuat pada tiga/empat hari bekerja berikutnya) bagi lain-lain kawasan.
- (b) meminta Pos Malaysia menjalankan siasatan dan melaporkannya dengan segera kepada kementerian setiap kali adanya aduan yang dibuat mengenai kelewatan menerima surat oleh pengguna;
- (c) mengadakan dialog dan perbincangan dengan pihak Pos Malaysia bagi menggesa pihaknya mengambil langkah-langkah tertentu bagi mencapai tahap piawaian serahan yang telah pun ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, memang terdapat surat-surat yang lewat diterima, tetapi jumlah tidaklah begitu banyak. Ini dapat dilihat daripada bilangan aduan yang diterima bagi 3 tahun kebelakangan iaitu tahun 1995 - sebanyak 34 aduan, tahun 1996 - 47 aduan dan tahun lepas iaitu tahun 1997 - 44 aduan. Adalah jelas bahawa bilangan surat-surat yang tidak dapat diserahkan

mengikut masa yang ditetapkan adalah amat kecil bilangannya berbanding dengan jumlah mel yang dikendalikan oleh Pos Malaysia yang melebihi RM1 bilion dalam setahun.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas Pos Malaysia diswastakan, apakah rancangan masa depan Pos Malaysia supaya tidak terhad perniagaannya di Malaysia sahaja dan bagaimanakah bentuk rancangan Pos Malaysia untuk diniagakan secara di peringkat antarabangsa?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pos Malaysia belum lagi diswastakan.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, mengapakah telegram ucapan takziah atau ucapan tahniah yang dihantar lewat sampai kepada orang yang berkenaan? Anak saya sendiri duduk di Skudai, Johor, sampai sekarang sudah tiga bulan telegram itu belum sampai. Saya tanya Pejabat Pos Ipoh dan dikatakan “Telegram itu pun saya mahu pos”, saya cakap “Mengapa you mahu pos, ini telegram, maksudnya telegram hari ini mesti sampai”. Dia cakap, “Ini saya mahu pos”, saya pun tidak faham. *[Ketawa]* Tidak adakah pegawai-pegawai penyelia di tempat itu untuk menyelesaikan masalah ini? Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi, kalau dibandingkan dengan bilangan mel dan telegram yang dikendalikan oleh pihak Pos Malaysia melebihi 1 bilion dalam satu tahun, kelewatan yang berlaku ini merupakan bilangan yang amat kecil sahaja. Kes yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini memang saya terima dan saya anggap ia merupakan satu ‘isolated case’ sahaja, kalau tiga bulan tidak diserahkan. Terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan berlakunya kelewatan, di antaranya ialah kesalahan yang berpunca – ini selalu berlaku daripada pihak pengguna sendiri – seperti tidak menulis alamat dengan terang dan lengkap. Di samping itu juga, faktor kecuaian dan faktor kesilapan oleh kakitangan Pos Malaysia juga

merupakan salah satu daripada faktor yang menyebabkan kelewatan yang disebutkan tadi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pengendalian melataupun pos ini adalah satu industri yang merupakan labour intensive di mana kita mempunyai lebih daripada 12,000 orang yang bekerja untuk mengendalikan seluruh kerja yang dikendalikan oleh Pos Malaysia termasuk menghantar mel telegram. Maka kita terimalah apa yang dilakukan oleh begitu banyak orang, memang ada kesilapan. Tetapi setakat ini kita memang merasa puas hati kerana pencapaian Pos Malaysia selepas ia dikorporatkan, ia bukan diswastakan tetapi dikorporatkan, prestasinya telah bertambah meningkat daripada dahulu cuma 60% sampai 70% di mana ikut piawaian yang saya sebutkan tadi D+1, D+2, D+3. Tetapi sekarang sudah sampai tahap 96% di mana semua mel diserahkan ikut jadual. Ini merupakan peratusan yang tertinggi. Tetapi ini kita tidak puas hati lagi, kita telah menetapkan satu standard yang lebih tinggi, iaitu 98%. Dengan kerjasama dari semua pihak kita yakin boleh capai 98% ini.

#### **KRISIS DI KOSOVO - BANTUAN KERAJAAN MALAYSIA**

8. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah krisis pertikaian etnik di Kosovo boleh disamakan dengan krisis yang pernah dialami di Bosnia-Herzegovina. Sebutkan bentuk bantuan yang telah dan akan disumbangkan oleh Malaysia bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh rakyat Kosovo.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, situasi di Kosovo kini amat tegang dan keganasan kerap kali tercetus semenjak awal bulan Mac 1998. Jika situasi di Kosovo tidak ditangani dengan lebih teliti dan segera, maka dikhuatiri ianya akan menjadi lebih serius lagi. Tragedi di Kosovo akan terus merebak dan akan mengancamkan kestabilan beberapa buah negara di Timur Selatan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Malaysia telah mendesak pihak berkuasa Serbia untuk memulakan dialog atau rundingan segera dengan pemimpin-

pemimpin Kosovo. Di samping itu juga, Malaysia turut menyokong resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap bekas Republik Persekutuan Yugoslavia untuk menyekat penjualan dan pembekalan senjata api, bahan senjata api, kenderaan tentera serta peralatan dan alat ganti kenderaan kepada negara tersebut.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan peranan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam usaha hendak memulihkan krisis yang berlaku di Kosovo. Penjelasan yang kita dengar tadi seolah-olah Malaysia yang memainkan peranan penting, pada hal krisis di Kosovo ialah krisis antarabangsa. Jadi, apakah kriteria yang membawa kita untuk memainkan peranan di Kosovo ini?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengambil bahagian di peringkat antarabangsa, kerana kita mengadakan dasar luar kita untuk sama-sama berusaha dengan negara-negara lain yang sentiasa mempertahankan keadilan dan juga keamanan sejagat bahawa menerusi badan-badan yang diterima oleh semua bangsa, iaitu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Itu menjadi satu tanggungjawab kita juga untuk sentiasa mengingatkan dan mendesakkan supaya perkara ini tidak diketepikan khususnya kerana di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada masa kini memang menghadapi pelbagai isu atau masalah yang wujud di rantau Europe, di Timur Tengah dan di mana-mana juga. Sekian.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa baru satu soalan tambahan dan saya ingin menyampaikan satu lagi soalan tambahan kepada Kementerian Luar Negeri. Kita mendengar tadi bahawa kita telah pun memainkan peranan apabila melihat ada negara-negara yang menghadapi masalah sebagaimana yang berlaku di Kosovo. Kosovo adalah negara yang jauh daripada kita, di Europe. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah sikap kita dengan permasalahan yang dihadapi oleh negara jiran kita Indonesia yang

begitu hampir dengan kita. Kita tahu di Indonesia sekarang ini krisis telah pun melanda.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita sentiasa mengambil perhatian dengan teliti dan juga masa dan keadaan khususnya mulai dari krisis kewangan. Kita sentiasa berusaha untuk terus menyokong usaha mereka untuk tujuan menstabilkan kedudukan ekonomi dan politik di rantau ini dan masalah-masalah yang lain mungkin kita cukup yakin dengan pemimpin-pemimpin negara Indonesia pada masa kini yang dapat mengatasi masalah ini atau keadaan yang mereka hadapi, di mana perlu kita berusaha bersama untuk meningkatkan lagi tanggungjawab kita untuk sama-sama memulihkan keadaan krisis ekonomi dan masa depan rantau ini.

#### **PINJAMAN TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA - PROSEDUR PERMOHONAN**

9. **Dato' V.K.K. Teagarajan** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan prosedur memberi pinjaman kepada pemohon yang berjaya mengikuti kursus latihan di bawah Tabung Pembangunan Usahawan Kecil dan Sederhana (SEFF)

##### **Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, permohonan pembiayaan SEFF hanya boleh dibuat setelah pemohon menghadiri dan lulus latihan SEFF yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan melalui jurulatih-jurulatih yang dilantik. Mereka yang lulus latihan SEFF akan diberi sijil lulus dan borang permohonan pembiayaan SEFF. Usahawan dikehendaki melengkapkan sendiri borang tersebut dan menyediakan kertas kerja serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti salinan pendaftaran perniagaan sebelum mengemukakan permohonan pinjaman kepada cawangan institusi kewangan terlibat untuk diproses dan dipertimbangkan.

Walaupun mulai pada 1 Mei baru-baru ini Kementerian Pembangunan Usahawan telah melaksanakan sistem permohonan berpusat di mana usahawan perlu mengemukakan permohonan pinjaman terus kepada unit SEFF di Credit

Guarantee Cooperation Malaysia Berhad (CGC), pihak CGC akan menyemak permohonan dan sekiranya lengkap ianya akan dihantar kepada ibu pejabat institusi kewangan untuk dipertimbangkan dan untuk keputusan mereka. Permohonan pinjaman yang diluluskan oleh institusi kewangan akan dikemukakan semula kepada CGC untuk pengesahan dan jaminan. Pengeluaran pinjaman kepada usahawan akan dibuat oleh cawangan institusi kewangan yang berkaitan.

Tatacara permohonan secara berpusat ini telah dilaksanakan bertujuan mempercepatkan lagi proses permohonan pinjaman. Melalui cara ini juga ibu pejabat institusi kewangan mempunyai rekod mengenai permohonan berbanding dengan yang sebelum ini di mana ibu pejabat institusi kewangan hanya mengetahui jumlah permohonan melalui maklum balas dari cawangan masing-masing. Kerajaan yakin ini boleh mengurangkan karenah di peringkat cawangan institusi kewangan dan pihak CGC boleh membuat susulan sekiranya permohonan yang dikemukakan oleh institusi kewangan tidak mendapat keputusan dalam masa yang ditetapkan, iaitu 14 hari dalam tatacara permohonan yang telah dikemukakan kepada institusi kewangan.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tidak silap saya Tabung Pembangunan Usahawan Kecil dan Sederhana ini adalah satu alternatif daripada Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menggantikan kerja-kerja yang dijalankan oleh ceti haram di seluruh negara satu ketika dahulu. Tetapi melihat kepada prosedur yang agak ketat ini, apakah benar dakwaan daripada setengah-setengah pihak khususnya usahawan kecil boleh dikatakan peratus jumlah kursus dilaksanakan oleh kerajaan tidak memberangsangkan dan jumlah usahawan kecil khususnya bumiputera tidak banyak mendapat manfaat dari segi kuantitinya dan ada joke ataupun pandangan daripada coffee house di hotel-hotel menyatakan banyak usahawan kecil hanya di dua bandar diluluskan, iaitu di Jeli, Kelantan dan Besut, Terengganu. *[Ketawa]*

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat yang telah memberi cerita-cerita dari coffee house tadi. Sebenarnya memang bank dahulu

telah membuat sistem pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil dan kebanyakan daripada sistem itu tidak mendapat kejayaan kerana keengganan peniaga-peniaga kecil untuk membayar. Selepas itu Amanah Ikhtiar datang dengan sistemnya dan kementerian telah menggunakan sedikit-sebanyak konsep-konsep yang ada pada Amanah Ikhtiar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Amanah Ikhtiar pun tidak beri kepada semua orang, kerana ramai orang beranggapan apabila pinjaman itu diberi oleh kerajaan, apabila lulus pemeriksaan ataupun lulus kursus, ia dengan secara automatik akan mendapat pinjaman tersebut.

Kita perlu tahu dan kita berasa tanggungjawab kerana yang kita beri pinjam ini adalah duit kerajaan, dan pinjaman SEFF ini untuk menolong mereka yang tidak ada penjamin, tidak ada orang hendak jamin mereka meminjam RM10 ribu hingga RM50 ribu dan tidak ada cagaran. Itu caranya dan harus diberi kepada mereka yang layak sahaja, bukan semua yang ingin meminjam; ini kena faham kerana kementerian percaya hanya mereka yang tulen, mereka yang mempunyai sikap keusahawanan yang tulen harus diberi pinjaman dan harus diberi pertolongan. Sebab itu sikap menjadi penting dalam pemilihan.

Memang ramai yang pergi mengikuti kursus dan tidak ramai yang boleh diberi pinjaman. Tetapi oleh kerana keadaan masa kini yang dikatakan masalah kegawatan ekonomi, untuk mengatasi masalah-masalah pinjaman yang diproses melalui bank, sebab itulah kementerian mengadakan sistem pinjaman berpusat di mana borang permohonan boleh dihantar terus kepada unit SEFF ataupun unit Pusat yang akan diproseskan oleh unit Pusat dan terus dihantar ke bank hanya cara untuk prosedur sahaja. Kita harap dengan cara ini kita boleh mempercepatkan lagi proses pinjaman. Tentang coffee tadi mereka memang boleh kata demikian. Tetapi sebenarnya di Dungun pun ramai juga yang kita lulus. *[Ketawa]* Jadi, hendak mengatakan khusus untuk Jeli saya rasa tidak adillah begitu.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, berapakah yang telah lulus dan jumlah yang telah dikeluarkan dan

bagaimanakah sambutan golongan bumiputera Melayu terhadap tabung yang berkenaan?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Sehingga ini 755 peminjam telah diberi pinjaman dengan jumlah pinjaman sebanyak RM23,072,000.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Soal-Jawab Mulut telah pun selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.10 hingga 40 akan dijilid dalam buku berasingan]*

### **USUL**

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesembilan.” **[19 Mei 1998]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Kementerian Kewangan untuk menjawab.

**3.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan ketika memberi ucapan Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan memberi maklum balas seberapa banyak yang boleh kepada perkara-perkara yang diketengahkan mengenai Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, bagi isu-isu yang tidak sempat saya sentuh, ingin saya tegaskan di sini bahawa Kementerian Kewangan mengambil perhatian mengenai perkara-perkara yang Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi serantau dijangka membawa kesan negatif terhadap pertumbuhan negara. Pada tahun 1998 pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar dijangka berkembang pada kadar antara 2% hingga 3% sahaja. Kadar pertumbuhan ini adalah selari dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi bagi kebanyakan negara-negara serantau yang lain termasuk Singapura, Filipina, Thailand dan Indonesia. Alhamdulillah, sehingga kini negara kita masih mampu bertahan dan tidak perlu mendapatkan bantuan kewangan daripada pihak Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) dalam menangani krisis kewangan. Kedudukan kewangan kerajaan masih lagi kukuh, manakala nisbah bayaran khidmat hutang negara masih rendah sungguhpun jumlah hutang telah meningkat berikutan dengan susutan nilai Ringgit.

Di samping itu, pendapatan eksport juga terus meningkat dengan pesat hingga membolehkan negara mencatatkan lebihan dagangan yang besar, iaitu sebanyak RM8.8 bilion dalam tempoh suku tahun pertama tahun ini. Keutuhan sistem perbankan negara juga mampu dipertahankan sekali pun terdapat sebilangan kecil bank dan institusi kewangan yang mempunyai masalah. Kemampuan negara

berhadapan dengan krisis kewangan adalah hasil daripada langkah-langkah konkrit dan awalan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Semenjak pembentangan Belanjawan 1998, beberapa langkah tambahan telah diumumkan oleh kerajaan pada 5 dan 8 Disember 1997, 6 Februari 1998 dan 24 Mac 1998. Kesemua langkah tersebut bertujuan untuk memulihkan keyakinan terhadap sistem kewangan dan ekonomi negara keseluruhannya. Ini bagi membolehkan ekonomi negara berada di dalam dasar yang kuat untuk muncul semula dengan pertumbuhan yang lebih mapan.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman langkah-langkah kerajaan dalam menangani krisis kewangan telah diterima dengan baik oleh semua pihak. Kedudukan terkini menunjukkan tahap keyakinan pelabur terhadap pasaran kewangan tempatan semakin pulih semenjak bulan Januari ini sungguhpun kesan contagion daripada perkembangan-perkembangan di Indonesia masih lagi dirasai. Pihak IMF dan Bank Dunia juga telah menyatakan keyakinan mereka bahawa langkah-langkah yang diambil akan membolehkan Malaysia menangani krisis ini dengan lebih berkesan. Keyakinan tersebut telah membantu meningkatkan kadar pertukaran Ringgit dan prestasi pasaran saham negara di dalam beberapa bulan kebelakangan ini berbanding dengan kedudukan terendah pada bulan Januari tahun ini. Namun begitu, ketidaktentuan politik di Indonesia akan memberi kesan terhadap prospek pemulihan keyakinan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kegawatan yang dialami oleh ekonomi kita sekarang ini, ramai Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu mengenai ekonomi. Antaranya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki telah mencadangkan agar tahap rizab negara dipertingkatkan kepada enam bulan import tertangguh daripada tahap tiga hingga empat bulan yang ada pada masa ini.

Beberapa isu lain juga telah dibangkitkannya seperti langkah-langkah pengurangan defisit akaun semasa imbalan pembayaran, menggalakkan tabungan, hutang tidak berbayar yang kian meningkat serta penggabungan institusi

perbankan. Cadangan mempertingkatkan rizab negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sememangnya merupakan agenda utama kerajaan. Nilai rizab ini boleh dipertingkatkan melalui peningkatan lebihan dalam akaun semasa dan aliran masuk modal dari luar negara.

Rizab boleh juga dipertingkatkan dalam jangka pendek dengan meningkatkan pinjaman dari luar negara. Tetapi cara ini akan meningkatkan kos pembiayaan pinjaman luaran dan mengakibatkan imbalan akaun semasa merosot disebabkan bayaran faedah yang tinggi. Justeru itu, pengumpulan rizab lebih sesuai diusahakan dengan mengukuhkan kedudukan imbalan pembayaran khususnya melalui pendapatan pertukaran asing yang dijanakan oleh sektor eksport. Selain daripada menggalakkan pertumbuhan eksport barang, sektor perkhidmatan juga mempunyai potensi yang besar untuk menjanakan pendapatan bersih pertukaran asing kepada negara. Kini masih terdapat banyak ruang untuk mengembangkan lagi perkhidmatan yang boleh didagangkan (tradable) dengan diberi penekanan kepada membangunkan sektor-sektor kecil kewangan, pendidikan, pelancongan, insurans dan perkапalan. Ke arah mencapai matlamat ini, kerajaan telah memberi keutamaan kepada pembangunan sektor perkhidmatan sebagai pemangkin utama bagi pertumbuhan ekonomi di bawah Pelan Induk Perkhidmatan Kewangan.

Walaupun penekanan diberi kepada pengukuhan sumber yang stabil bagi pengumpulan rizab, namun adalah penting untuk kita menyedari bahawa masa diperlukan untuk mengatasi masalah struktur akaun semasa ini. Justeru itu, penumpuan dalam jangka masa sederhana ialah untuk menunda pelaksanaan projek-projek besar yang mempunyai kandungan import yang tinggi dan seterusnya menyusun projek-projek tersebut mengikut keutamaan agar pengimportan barang tidak berlaku sekali gus. Kesannya kini ternyata daripada kedudukan lebihan besar yang dapat dijanakan dalam perdagangan luar Malaysia pada bulan Februari tahun ini sebanyak RM2.5 bilion yang telah meningkat lagi dalam bulan Mac pada tahun ini juga kepada RM3.7 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha bagi menggalakkan penggabungan institusi-institusi perbankan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki juga telah bermula sejak lewat tahun 1980-an lagi. Ianya merupakan pendekatan strategik Bank Negara Malaysia untuk menubuhkan beberapa institusi perbankan yang kukuh dan memperbaiki daya ketahanan institusi-institusi perbankan ini supaya mampu bersaing bagi menghadapi sebarang cabaran. Kini fasa pertama program penggabungan syarikat-syarikat kewangan telah dapat diselesaikan dengan jayanya di mana syarikat-syarikat kewangan telah mengenal pasti rakan gabungan mereka serta bersetuju secara prinsipnya mengenai terma dan syarat penggabungan mereka. Dengan terlaksananya program ini jumlah syarikat-syarikat kewangan akan dikurangkan daripada 39 buah kepada 8 buah sahaja.

Sementara itu, berkaitan dengan pertambahan dalam jumlah pinjaman tidak berbayar atau non-performing loans (NPL) yang berlaku sekarang ianya bukanlah hanya disebabkan oleh pertambahan dalam kadar faedah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Ianya adalah juga akibat daripada beberapa faktor lain seperti pengkelasan semula pinjaman tidak berbayar daripada enam bulan kepada tiga bulan dan kegawatan ekonomi semasa yang membawa kesan terhadap pasaran saham dan pasaran mata wang.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki juga telah mengemukakan isu mengenai kadar pengangguran yang kian meningkat. Kerajaan menyedari bahawa ekoran daripada kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara kita dan rantau ASEAN pada masa ini, peningkatan dalam kadar pengangguran tidak dapat dielakkan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah awal, dengan iain, preemptive measure yang antaranya termasuklah mengadakan latihan khusus untuk pekerja yang diberhentikan supaya mereka senang diserap masuk ke dalam sektor-sektor lain dan mendaftar semula pekerja yang telah diberhentikan untuk mengisi kekosongan yang wujud di sektor lain. Setakat ini alhamdulillah, ramai di antara pekerja yang diberhentikan telah berjaya mendapat

semula pekerjaan. Ini adalah kerana kebanyakan pekerja yang diberhentikan adalah daripada sektor pembinaan, manakala sektor perladangan dan sektor pembuatan masih mempunyai kekosongan dan memerlukan ramai pekerja.

Langkah terkini yang telah diambil oleh kerajaan ialah bagi mengadakan kawalan mandatori ke atas majikan agar melaporkan kes pemberhentian kepada Jabatan Tenaga Rakyat sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh pemberhentian. Ini bertujuan untuk mengatasi pemberhentian kerja secara berleluasa di samping dapat membantu pihak berkuasa berkenaan mengadakan perancangan bagi mengagihkan semula tenaga kerja yang ada. Namun demikian, adalah dianggarkan kadar pengangguran bagi negara ini dalam tahun 1998 akan menjadi 3.5% berbanding dengan 2.7% pada tahun 1997. Dalam tempoh Januari hingga April 1998 pula jumlah pekerja yang diberhentikan adalah seramai 25,210 orang berbanding dengan 18,863 bagi tahun 1997.

Berhubung dengan dakwaan bahawa kaum wanita menjadi mangsa pengangguran dalam keadaan kegawatan ekonomi masa ini, sukacita saya maklumkan bahawa pemberhentian pekerjaan tidak hanya melibatkan kaum wanita sahaja di mana bagi suku tahun pertama tahun 1998 daripada 20,815 pekerja yang diberhentikan, hanya seramai 40% atau 8,267 adalah wanita, manakala bakinya adalah lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah membangkitkan isu mengenai pengimportan barang oleh jabatan atau agensi kerajaan yang mungkin boleh menggagalkan penggunaan barang tempatan serta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/97. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua surat Pekeliling Perbendaharaan dan satu Pekeliling Perbendaharaan yang telah dikeluarkan berhubung dengan keperluan bagi agensi kerajaan untuk memberi keutamaan ke atas barang tempatan, iaitu pertama surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/96 mengenai penggunaan barang-barang buatan tempatan dalam perolehan kerajaan. Kedua, surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6/97 mengenai dasar perolehan kerajaan mengenai barang import dan

perkhidmatan asing, dan ketiga Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/97 mengenai garis panduan untuk mengawal perbelanjaan yang juga menjelaskan larangan memperolehi barang import, kecuali mendapat pengesahan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan kelulusan Perbendaharaan.

Kesemua surat Pekeliling Perbendaharaan berkenaan telah dimaklum dan diedarkan kepada syarikat-syarikat dan agensi kerajaan. Langkah ini diambil bagi memastikan supaya semua pihak yang terlibat dapat mematuhi garis panduan tersebut dengan matlamat untuk mengatasi defisit akaun semasa dan meminimumkan pengaliran wang keluar di samping memaksimumkan penggunaan barang tempatan dalam perolehan kerajaan. Sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa langkah tersebut telah memberi kesan positif terhadap penggunaan barang tempatan bagi mengganti barang import. Oleh yang demikian, perolehan barang import telah berkurangan dan hanya barang yang tidak dikeluarkan oleh pembuat tempatan diberi kebenaran untuk diperolehi melalui pengimportan. Walau bagaimanapun, surat pekeliling dan pekeliling berkenaan tidak diedarkan kepada pihak swasta. Kerajaan berharap pihak swasta akan mencontohi amalan kerajaan dan mengambil langkah yang sama dengan memperolehi barang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan supaya diwujudkan jawatankuasa khas bagi membuat aduan terhadap mana-mana pihak yang melanggar arahan Perbendaharaan, ia merupakan satu cadangan yang baik dan Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih di atas cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa mekanisme kawalan yang sedia ada adalah memadai dan tidak perlu satu jawatankuasa khas diwujudkan seperti yang dicadangkan. Pada amalan sekarang semua barang yang diimport bagi kerajaan perlu mendapat pengesahan MITI dan kelulusan Perbendaharaan sebelum ianya dibenarkan diimport. Sekiranya arahan tersebut tidak dipatuhi, pembayaran tidak akan dibuat di bawah peraturan yang sedia ada. Di samping itu, pihak Akauntan Negara akan membuat penelitian yang rapi sebelum sebarang

pembayaran dibuat dan pihak Audit juga akan membuat teguran sekiranya berlaku tindakan-tindakan di luar peraturan.

Dalam isu kelulusan.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik jawapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di mana pekeliling yang telah diedarkan telah memberi kesan positif dalam usaha kita hendak mengurangkan barang import. Saya masih sangsi dari segi pelaksanaannya. Walaupun Yang Berhormat ada menyebut sudah cukup dengan pengawalan ataupun kawalan yang telah dibuat masa kini, tetapi apakah Yang Berhormat sedar dalam pelaksanaan sesuatu projek termasuk projek yang sedang dilaksanakan sekarang, ada loopholes yang telah dipergunakan oleh pihak-pihak tertentu terutamanya konsultan dalam menentukan bahawa barang tempatan itu diberi keutamaan.

Saya hendak sebut antara contohnya, renovation Airport Labuan di bawah JKR. Saya diberi maklum, saya bangkitkan ini sebab saya sekarang ini macam biro aduan, pemimpin yang prihatin. Jadi, banyak orang datang ke pejabat saya macam Ketua Pembangkang, datang kompelin, macam-macam saya terima aduan, saya tidak larat hendak bawa.

Di sini disebut kontraktornya Trans Resources Cooperation. Permohonan untuk mengimport barang ditolak oleh MITI tetapi pihak berkenaan meneruskan pengimportan barang tersebut termasuk ‘fibre glass’, chillers untuk hawa dingin dan lain-lain lagi.

Saya hendak sebut satu lagi contoh, pembinaan Maktab Tentera sekarang ini memerlukan chillers dan ada chillers dibuat dalam negara kita ini. Di mana usahawan Malaysia telah membeli syarikat ataupun teknologi dari luar negeri. Tetapi spesifikasi asalnya barang ini mesti diimport, sudah dirunding, kononnya setuju hendak menggunakan barang import tetapi diarah kontraktor tempatan kurang RM600,000. To reduce the cost RM600,000. Jadi hendak menggunakan barang tempatan tetapi diarah kurangkan RM600,000. Jadi timbul masalah

teknikal. Ini pegawai-pegawai, saya bukan hendak menyalahkan pegawai-pegawai yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, di mana-mana sahaja, tetapi permainan konsultan yang dilantik kena dijaga. Konsultan-konsultan ini cukup, saya bukanlah anti-konsultan, tidak, kita perlu pada perunding, kita perlu pada pakar-pakar ini tetapi mereka ini saya bimbang, takut ada merger juga. Saya bukanlah buat presumption, dia orang ini berniat tidak baik tetapi untuk berjaga-jaga sebab tidak sedikit barang yang diimport. Contohnya chillers buatan ‘York’ sekarang ini, bukan main lagi digunakan oleh pihak dalam negara kita tetapi saya tidak tahuhah sama ada dibuat dalam Malaysia atau luar Malaysia, tolonglah Yang Berhormat check, tetapi saya masih lagi berpendapat dan saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun dikatakan ‘watch dog’ itu tidak perlu tetapi adakah mekanisme yang lain yang betul-betul berkesan. Kalau dikatakan didapati mereka ini import, barang tempatan ada, akhirnya tidak bayar tetapi telah terlanjur. Kita tidak mahu lagilah pisang berbuah dua kali. Bila sudah berlaku, tubuh Jawatankuasa Penyiasat, buat sudah terlanjur tidak boleh hendak tarik balik. Tetapi yang betul-betul berkesan supaya menjadi contoh termasuk pihak swasta, apakah tidak boleh digubal peraturan. Walaupun swasta ini bebas tetapi untuk mengurangkan imbangan bayaran ada peraturan di mana dinaikkan cukai sampai beratus kali ganda. Biar dia tidak boleh masuk barang itu, dia terpaksa beli barang tempatan, baru berkesan. Kalau kita hendak pulihkan ekonomi betul-betul sebab saya kira sekarang ini kita ‘at war’ untuk memulihkan keadaan ekonomi. Kita kena tegas, tidak cukup dengan mengatakan telah beri jaminan, ada surat pekeliling, saya minta Yang Berhormat tolong beri penjelasan mengenai hal ini.

**Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang telah membawa isu ini ke tengah kerana saya pun menghadapi masalah itu. Saya telah menerima banyak soalan yang ditujukan khas kepada saya melaporkan mengenai dengan perlanggaran kehendak-kehendak kerajaan ini. Saya minta surat-surat yang ditujukan kepada Yang Berhormat diberikan kepada saya supaya saya dapat menulis terus kepada

pihak-pihak yang berkenaan, misalannya di dalam perolehan kerajaan sepermula yang saya sebutkan tadi, mana-mana syarikat yang melanggar pekeliling dan surat pekeliling Perbendaharaan, jikalau ianya betul-betul melanggar pihak Akauntan Negara tidak akan membayar. Ini ada dalam peraturan dan kita akan mengambil langkah-langkah yang betul-betul ketat di dalam hal ini. Kita tidak akan membayar kerana ia melanggar peraturan di dalam surat pekeliling Perbendaharaan dan peraturan ini mesti dipatuhi dan ia merupakan satu kehendak yang penting.

Yang kedua, mengenai dengan konsultan saya setuju ada segelintir konsultan yang saya sendiri tahu, surat datang kepada saya direct, yang menghendaki satu-satu barang itu yang diimport dari Itali misalannya. Batu marmar mesti diimport dari Itali pada hal batu marmar Langkawi adalah satu kualiti dengan Itali. Dia hendak suruh kita import ‘carrera marble’ misalannya, pada hal Langkawi Mahsuri Putih itu lebih cantik daripada ‘carrera marble’, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi ini telah diambil tindakan. Saya sendiri telah menulis banyak surat kepada kontraktor-kontraktor yang cuba melanggar peraturan ini dan saya memberi amaran mereka tidak akan dibayar oleh Akauntan Negara dan apabila amaran saya diterima, mereka telah membetulkan kedudukannya. Misalannya di dalam penggunaan ‘geotextile’. Di negara kita di Lembah Klang sahaja ada tiga kilang yang membuat ‘geotextile’ yang digunakan untuk mengurangkan hakisan di highway dan juga di jalan raya. Banyak sebelum ini, banyak syarikat yang mengimport.

Jadi saya telah menulis surat kepada JKR dan juga kepada JPS. Alhamdulillah, jabatan-jabatan ini telah pun mengambil tindakan dan pergi melawat sendiri ke kilang-kilang itu dan memastikan bahawa standard yang dibuat oleh kilang di negara kita ini cukup sama seperti kalau tidak, lebih daripada standard yang diimport. Kalau saya hendak cerita banyak perkara ini dan saya terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang telah membangkitkan isu ini. Mana-mana konsultan yang didapati melanggar ataupun

sengaja melanggar peraturan ini khususnya untuk mendapat keuntungan diri, kita akan blacklisting terhadap mereka oleh Bahagian Perolehan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh pula isu mengenai wang sejumlah RM20 bilion yang dikatakan dihantar atau dideposit di Singapura sekali lagi kerana jawapan saya di Dewan ini telah disalahertikan. Menurut rekod aliran dana melalui bank perdagangan dalam tahun 1997 jumlah wang yang dibawa keluar dari Malaysia dan disimpan dalam akaun-akaun luar negeri oleh syarikat-syarikat hanya sebanyak RM3.4 bilion ataupun RM3,400 juta sahaja. Manakala jumlah wang yang dibawa masuk ke Malaysia dari akaun-akaun luar negeri oleh syarikat-syarikat ialah sebanyak RM21.54 bilion ataupun RM21,540 juta. Ini berlebihan daripada wang keluar. Jumlah wang dibawa keluar dari Malaysia dan disimpan dalam akaun-akaun luar negeri oleh individu-individu pula ialah sebanyak RM2.4 ribu juta ataupun RM2.4 bilion. Manakala wang yang dibawa masuk ke Malaysia dari akaun-akaun luar negeri oleh individu-individu adalah sebanyak RM2.42 bilion.

Apa yang saya katakan di dalam Dewan ini pada 12 Mei yang lalu ialah RM20 bilion itu bukanlah yang lari keluar dalam masa kegawatan ini. Sebahagian daripadanya telah pun wujud di akaun-akaun di Singapura. Sebenarnya wang yang lari keluar negara kita tidak tahu, yang saya sebut tadi ialah wang keluar dan wang masuk adalah dikeluarkan dan dimasukkan melalui institusi-institusi kewangan iaitu bank perdagangan, bank saudagar dan juga syarikat kewangan. Yang dibawa dengan beg 20 kilogram atau 40 kilogram, kita tidak tahu dan kita membenarkan itu. Jadi kita tidak tahu berapa banyak yang dikeluarkan, yang saya sebutkan itu ialah recorded di dalam transaksi institusi kewangan. Jadi, itulah kedudukannya, Tuan Yang di-Pertua.

Berhubung dengan cadangan supaya pengaliran wang ke luar negara dihadkan melalui pengawalan ke atas pengimportan jentera-jentera, pengimportan makanan dan mengurangkan bilangan pelajar yang belajar di luar negara, suka saya ulangi di sini bahawa melalui Belanjawan 1998 kerajaan telah mengambil

beberapa langkah ke arah membendung pengaliran keluar wang negara. Ini termasuk menaikkan duti import ke atas beberapa jenis jentera sehingga kadar 50% dan mensyaratkan semua pengimport jentera berat dikehendaki mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Langkah ini adalah bagi memastikan supaya jentera yang diimport tersebut benar-benar tidak terdapat dalam negara. Bagi mengawal bilangan warga negara yang keluar negara, bayaran dokumen perjalanan telah dinaikkan sehingga RM600.00 manakala sebagai usaha untuk mengurangkan aliran keluar pelajar-pelajar tempatan yang akan menuntut sepenuh masa di pusat pengajian luar negara, pelepasan cukai yang dibenarkan ialah sebanyak dua kali sebelum ini ditarik balik dan hanya ianya dituntut pelepasan biasa sahaja.

Berhubung dengan cadangan pengawalan ke atas pengimportan makanan pula, pengimportan beberapa jenis barang makanan terutamanya makanan belum diproses perlu mendapat permit import dan pengeluaran permit tersebut dikawal oleh kementerian yang berkaitan. Bagi jenis makanan siap, ianya adalah tertakluk kepada duti import dari 5% hingga 20%.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan supaya wang cagaran perlu disimpan dalam Akaun Amanah bagi memastikan keselamatannya, sukacita saya memaklumkan bahawa adalah menjadi kewajipan pihak-pihak berkuasa dan syarikat broker saham memastikan bahawa kepentingan para pelabur dilindungi terutama sekali pada masa kegawatan ekonomi dan pasaran saham masa kini. Seksyen 44 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 menetapkan bahawa aset pelanggan hendaklah diasingkan ke dalam Akaun Amanah dan tidak dicampurkan dengan aset syarikat broker saham.

Sehubungan ini, selaras dengan peruntukan 9(7) Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Suruhanjaya Sekuriti telah mengarahkan Bursa Saham Kuala Lumpur untuk menjelaskan dengan lebih lanjut dan memperkuatkukuhkan lagi peraturan berhubung pengasingan aset pelabur. Lanjutan daripada itu, peraturan 19(A) peraturan BSKL berhubung syarikat ahli telah dikuatkuasakan pada 9 Mac

1998. Peraturan tersebut menetapkan bahawa aset pelabur yang diterima oleh syarikat broker sama ada berhubung pembelian atau penjualan sekuriti bagi pihak atau oleh klien hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah tidak lewat daripada keesokan hari perniagaan bank (bank business day) daripada tarikh penerimaan aset ataupun wang tersebut. Seterusnya BSKL juga diarahkan untuk melaksanakan pengawasan rapi ke atas penguatkuasaan peraturan tersebut dan untuk menjalankan audit ketekunan wajar ke atas syarikat ahlinya bagi memastikan pengagihan aset klien diselenggarakan sepenuhnya mengikut peraturan 19(A) akta yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tan Swee Hueng telah membangkitkan isu berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja terutama berkaitan dengan kadar dividen bagi tahun 1997 yang telah diumumkan baru-baru ini. Suka saya nyatakan di sini bahawa kadar dividen itu bukan semata-mata bergantung kepada pertumbuhan KDNK malahan kadar dividen tahunan KWSP adalah bergantung kepada pendapatan KWSP yang lazimnya ditentukan oleh agihan aset pelaburan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pulangan yang tinggi melibatkan pelaburan yang berisiko tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum tahun 1990 lebih daripada 80% pelaburan KWSP adalah dalam sekuriti Kerajaan Malaysia yang memberikan pulangan tetap sekurang-kurangnya 8% setahun tanpa risiko. Pelaburan di dalam instrument yang berisiko pula tidak melebihi 20%. Oleh yang demikian, KWSP telah mampu memberikan kadar dividen sekurang-kurangnya 8% dalam tempoh itu. Pengagihan aset pelaburan KWSP kini telah berubah selepas tahun 1990 memandangkan kerajaan telah mengurangkan penerbitan SKM berikutan kedudukan kewangan kerajaan yang lebih kukuh. Dengan itu peratus pelaburan KWSP di dalam ekuiti semakin meningkat sejak 1991 iaitu dari 2.12% kepada 19.27% pada tahun sudah. Dividen yang diberikan bagi tahun 1995 dan 1996 telah melebihi kadar faedah pasaran disebabkan kadar pulangan yang tinggi daripada ekuiti dapat mempertingkatkan keupayaan KWSP untuk membayar dividen. Walau

bagaimanapun, pada tahun 1997 negara telah dilanda krisis ekonomi yang menjelaskan pasaran saham dan indeks komposit BSKL telah jatuh sebanyak 52% yang secara langsung telah memberi kesan kepada pendapatan KWSP daripada ekuiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany telah membangkitkan bahawa pelaburan jangka pendek boleh memudaratkan ekonomi kerana pengaliran keluar wang secara tiba-tiba menjelaskan ekonomi negara serta mempengaruhi kadar pertukaran mata wang asing dan mencadangkan supaya kerajaan menumpukan perhatian untuk memberi insentif kepada pelaburan jangka panjang di samping MTEN memainkan peranan dalam menarik pelaburan jangka panjang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, risiko-risiko yang berkenaan dengan pelaburan portfolio jangka pendek dimaklum ramai dan telah pun hangat dibahas dalam keadaan perkembangan terkini di rantau Asia. Sungguhpun volatilitinya menjadi sumber gangguan kestabilan mikro ekonomi kepada banyak pasaran baru muncul, ia juga membawa faedah-faedah yang ketara seperti memudahkan kenaikan modal pada kos yang nyata rendah dan membangun kecairan pasaran sekunder. Kedua-dua faedah ini menambah kecekapan pasaran modal kita. Pasaran modal yang cekap akhirnya membenarkan kita membiayai pertumbuhan ekonomi negara kita.

Bagaimanapun, kerajaan sedar akan keperluan untuk menarik pelaburan jangka panjang asing secara langsung dan telah pun menjadikannya sebahagian penting daripada dasar kerajaan. Ia telah pun menjadi dasar berterusan Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan pelaburan asing secara langsung ke dalam negara melalui pemberian pelbagai insentif yang sentiasa dikaji semula untuk memastikan Malaysia tetap menjadi destinasi menarik kepada pelaburan asing jangka panjang.

Usaha baru-baru ini untuk membangunkan Koridor Raya Multimedia telah pun menekankan kepentingan pelaburan asing jangka panjang dengan secara

khusus. Dalam perkara ini banyak insentif telah diberi kepada pelabur-pelabur asing dalam projek Koridor Raya Multimedia. Majlis Tindakan Ekonomi Negara bersama kementerian berkenaan akan terus meninjau dan mengkaji semula insentif-insentif yang ada dan juga mengenalkan insentif-insentif yang baru di mana perlu untuk memastikan bahawa Malaysia dapat menarik lebih banyak modal asing jangka panjang yang akan membantu dalam pembangunan jangka panjang ekonomi negara.

Mengenai cadangan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat supaya kerajaan mengkaji semula semua rancangan pembangunan bersesuaian dengan keadaan sekarang, ingin saya nyatakan bahawa seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan kini tidak ada pilihan dan terpaksa melaksanakan dasar-dasar fiskal yang berhemat dan berjimat-cermat dalam setiap perbelanjaan termasuklah perbelanjaan pembangunan. Beberapa langkah telah pun diambil termasuk menunda beberapa projek mega termasuklah Projek Hidroelektrik Bakun, Pusat Pentadbiran Putra Jaya Fasa 2, Lapangan Terbang Wilayah Utara, Projek Jalan Cameron Highlands -Fraser Hill-Genting Highlands, Projek Kuala Lumpur Linear City dan Jambatan Selat Melaka Malaysia-Indonesia. Jumlah kos projek yang dikenalpasti untuk penangguhan pelaksanaannya setakat ini ialah RM65.6 bilion. Hanya projek-projek yang merupakan projek gabungan atau projek yang berada di dalam peringkat akhir pelaksanaan akan diteruskan. Bagaimanapun, projek yang melibatkan pembangunan rakyat desa khususnya golongan miskin tetap akan diteruskan.

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar peruntukan yang dipotong cuma 10% sahaja atau kira-kira RM96 juta sahaja dari peruntukan asas sebanyak RM962 juta. Walaupun potongan 10% ini dibuat ke atas peruntukan pembangunan desa, namun potongan yang dibuat ini sebenarnya adalah ke atas projek-projek yang masih di peringkat kajian ataupun projek-projek yang melibatkan pengambilan balik tanah yang belum diputuskan lagi. Bagi projek-projek lain seperti jalan-jalan luar bandar dari RM135 juta yang

diluluskan pada tahun 1998, cuma RM18.3 juta sahaja yang dipotong dan dari 178 projek yang dicadangkan pada tahun 1998, cuma 74 projek sahaja yang ditangguh. Bagi projek-projek jalan kampung pula dari RM185 juta peruntukan asal kerajaan tidak memotong sedikit pun peruntukan projek ini kerana prihatin kita kepada keperluan rakyat terutamanya rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Zainudin bin Maidin telah membangkitkan isu kegawatan ekonomi mungkin boleh mewujudkan dasar ekonomi yang lebih bermoral iaitu reformasi sistem kapitalis Asia yang menekankan tanggungjawab sosial. Dalam menghadapi kegawatan ekonomi, kerajaan akan terus melaksanakan dasar pembangunan negara melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh. Melalui rancangan ini penekanan akan terus diberikan kepada pembangunan seimbang yang memberi perimbangan di antara pembangunan material dan juga pembangunan sosial. Sehubungan dengan ini program-program pembangunan sosial akan diteruskan termasuk pembangunan sumber manusia yang melibatkan juga pendidikan dan latihan kesihatan, perumahan, kebajikan dan pengurusan alam sekitar. Pelaksanaan program-program berkenaan dijuruskan ke arah untuk mewujudkan Masyarakat Penyayang serta mengamalkan gaya hidup sihat. Dalam pelaksanaan program-program berkenaan kerajaan memainkan peranan utama manakala pihak sektor swasta dan NGO digalakkan untuk membantu melalui pelaksanaan pelbagai program sampingan. Dalam masa yang sama kebajikan golongan yang tidak berupaya serta berpendapatan rendah dan miskin terus diberi perhatian yang sewajarnya, khususnya dalam pelaksanaan program-program sosio-ekonomi yang berasaskan pasaran. Bantuan diberi bagi memastikan golongan ini menikmati kemudahan atas sebagaimana yang dinikmati oleh kumpulan yang lain.

Dalam hal ini sektor swasta juga digalakkan untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dan tidak semata-mata mementingkan keuntungan sendiri sahaja. Ini termasuklah memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih murah,

menyediakan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah serta menyediakan perkhidmatan pendidikan dengan kos yang berpatutan. Bantuan untuk golongan berpendapatan rendah di luar bandar terutamanya petani dan nelayan juga diteruskan melalui penyediaan khidmat sokongan pertanian, input pertanian serta penyediaan infrastruktur pertanian. Semua usaha yang dilakukan oleh kerajaan ini adalah merupakan dasar yang menekankan kepada tanggungjawab sosial dan kesaksamaan antara manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan menggulung ini saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri Kewangan yang memberi jalan. Dalam ucapan Yang Berhormat Datuk Zainudin tempoh hari beliau ada menyentuh tentang asas-asas moral sebahagian daripada punca kegawatan ekonomi yang timbul, pembaziran dan pelbagai lagi budaya yang negatif, yang boleh menyebabkan perkara-perkara seperti yang telah berlaku itu berlaku. Kalau kerajaan boleh umpamanya mempunyai satu program menasihat rakyat supaya berjimat cermat, kurang makan gula dan sebagainya, banyaklah selama ini kepada rakyat biasa, kepada orang kampung, tidakkah kerajaan boleh mengadakan program ataupun satu usaha yang bersungguh-sungguh, morale persuasion kepada ahli-ahli korporat kita dan mereka yang kita anggap melampaui batas yang boleh menyebabkan kegawatan yang berlaku ini. Orang yang begini, tidak dapat bantuan, tidak dapat pertolongan, tidak dapat projek.

Baru-baru ini kita dengar sikitlah, terima kasih kepada Menteri Kewangan yang sanggup berkata, “kalau korporat yang tidak ada social consciousness sebab

itu mereka mempunyai kelebihan". Sekarang ini kita beri sedikit kurang pertolongan kita beri prioriti kepada orang yang lebih mempunyai kesedaran sosial tetapi tidakkah sepanjang masa kita boleh ada gerakan untuk melahirkan korporat, pemimpin-pemimpin ekonomi yang betul-betul berwibawa dalam secara holistic, secara keseluruhannya, peribadinya supaya kita dapat menjadi satu negara yang benar-benar kukuh dari segi ekonomi. Sekian.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain yang membangkitkan isu ini. Kalau saya memahami apa yang dimaksudkan oleh Senator baru kita iaitu Senator Datuk Zainudin bin Maidin mengenai dengan permasalahan sosial ataupun moral di dalam kegawatan ekonomi sekarang, ianya menyentuh tentang keseluruhan rantau, persoalan rasuah, pembaziran, cronomism. Inilah yang merupakan kegawatan .....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, khususnya menyebutkan tentang korporat Melayu yang mencontohi kehidupan 'flamboyant', pembaziran dan sebagainya. Hal ini terlalu nyata dalam masa kita menghadapi kemakmuran yang berlebihan. Jadi, barangkali pertanyaan Senator tadi ialah apakah tidak boleh diadakan peraturan yang kita serukan kepada rakyat biasa tidak boleh kita kenakan kepada mereka, orang-orang korporat yang telah lupa daratan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk ke situlah cuma saya pusing dari atas dahulu. Jadi, kalau Yang Berhormat sudah faham tentang hal ini saya hendak masuk kepada soal korporat Melayulah. Ahli-ahli korporat Melayu yang menjadi kaya dalam masa 10 tahun, 5 tahun melalui DAP dan lain-lain. Jadi persoalan ini kalau kita faham hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dahulu kita selalu dengar clique share mengenai dengan 300 jutawan Melayu.

Sebenarnya yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 300 jutawan Melayu itu supaya mewujud, menyemarakkan lagi banyak

3,000 jutawan Melayu daripada 300 bibit-bibit inilah dapat kita menyemarakkan lagi 3,000 lagi 30,000 lagi 300,000 ribu, ini impian pemimpin besar kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi yang Yang Berhormat bangkit itu memang ada kebenarannya dari segi ini kerana apa yang dibangkitkan di dalam mesyuarat-mesyuarat politik khususnya di dalam UMNO ini tidak berlaku kerana kebanyakan jutawan Melayu yang mendapat laba ini adalah daripada hasil konsesi yang diberi oleh kerajaan dalam ilmu ekonomi dipanggil rental income, bukan income yang wujud daripada usaha entrepreneurship. Kalau saya dapat satu concession yang besar, Tuan Yang di-Pertua tidak gaduh, tidak ada Ph. D pun saya boleh jadi kaya. Itu ada di kalangan usahawan Melayu yang kaya yang hanya mengaji 4 tahun sekolah sahaja. Jadi persoalannya sekarang saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Zainuddin mengenai hal ini, saya sendiri pun bersyarah mengenai hal ini, mengenai masalah rental income, versus the really earn income di kalangan intellectual dan juga di kampung di Kuala Nerang. Jadi persoalannya ialah apakah cara yang dibangkitkan oleh dua Senator tadi, apakah cara yang boleh dilakukan oleh kerajaan. Caranya ialah saya fikir melalui selective screeding, tidak lama ini siapa yang tidak buat, tidak usah bagi, siapa yang buat digalakkan lagi, misalnya kalau satu usahawan Melayu itu dijadikan seorang usahawan yang besar dia mesti menyemarakkan 300 usahawan Melayu yang lain dalam masa 5 tahun, dalam masa 10 tahun, kalau tidak dapat jangan bagi lagi.

Kita tengok banyak pembaziran, saya setuju dengan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin tadi, pembaziran banyak berlaku, kita tidak payah sebut mengenai soal-soal private jet dan lain-lain lagi tetapi ianya adalah satu persoalan sosial yang mesti disedari daripada atas sehingga ke bawah, iaitu hasrat kerajaan, niat kerajaan adalah mulia dan murni untuk membangun orang-orang Melayu sama tinggi dengan rakan-rakannya orang Cina dan orang India, melalui sektor perindustrian mengeluarkan orang Melayu daripada bergantung semata-mata daripada sektor pertanian kepada ini. Dan Dato' Seri Dr. Mahathir bin

Mohamad memilih satu cara (mathod) yang cukup pragmatik sebab lain-lain masyarakat di dunia cuba melakukan itu dengan memaraskan keseluruhan kekayaan melalui sistem sosialis dan nyata tidak berhasil, 72 tahun sistem sosialisme tidak berjaya memaraskan manusia, tetapi sistem kapitalisme yang dianuti oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad nyata berjaya tetapi orang yang dijayakan itu mestilah terus menjayakan apa yang diperjuangkan oleh pemimpin agung kita, inilah apa yang saya memahami daripada apa yang saudara dua Senator kata tadi ini. Dan kita harap apabila menjadi kegawatan ini banyak hikmah yang akan kita pelajari, pihak kerajaan dan juga rakyat lain di dalam perencanaan di hari muka mesti mengambil tindakan seperti ini kerana yang banyak menanggung kesusahan sekarang ialah orang-orang yang memakan rental income inilah, sebab dia dapat concession katalah RM5 juta saham yang diberi kerana dia itu Melayu, diharapkan pendapatan saham itu sahajalah, itu rental income tetapi tidak digunakan pendapatan daripada saham itu untuk membangunkan industri-industri.

Kita mesti ingat Tuan Yang di-Pertua, bahawa masyarakat Melayu masih kurang di dalam bidang sektor pengilangan, hanya 5 peratus sahaja usahawan Melayu di dalam sektor pengilangan padahal sektor inilah yang merupakan sektor sebenar di dalam memangkinkan ekonomi negara bukan sektor concession rental income ini. Saya di utara orang kata “cek gila kalau diberi saham RM5 juta pun boleh kaya, cek gila tu”, orang dari kampung Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jadi dia itu gila isim, kalau dia pun diberi concession lebih lagi kalau diberi pada Senator Hanipah, Tuan Yang di-Pertua dia akan kaya lagi, tetapi kalau cek gila sebagai bottom line boleh kaya dengan ini, Senator Hanipah apa lagi kalau diberi peluang, dia akan boleh membeli seluruh negeri Perlis. Tetapi persoalannya inilah, yang saya menyokong kita menerima pendapat Yang Berhormat Senator ‘freshy’ kita, Senator Datuk Zainudin bin Maidin yang dibawa oleh Senator veteran kita iaitu Senator Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain. Ustazah Jamilah hendak tanya saya, silakan ustazah.

**Puan Jamilah binti Ibrahim: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seorang lagi bangun, Yang Berhormat.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak mahu bertanya, saya ingin mencelah sedikit apa yang kita bincang sekarang ini ialah permasalahan untuk melahirkan jutawan Melayu yang bermoral dan mempunyai identiti dan Timbalan Menteri Kewangan telah menjelaskan untuk melahirkan ahli jutawan yang beridentiti, yang bermoral. Saya rasa tidak mencukupi kalau kita membantu mereka bagi memantapkan keterampilan kewangan itu, tetapi apa yang perlu kita ketengahkan dan kita memberi satu kesedaran rohani bahawa kekayaan itu dan hala tuju ke mana. Jadi untuk memberi kesedaran membasuhkan rohani dan untuk melahirkan jutawan-jutawan yang bermoral dan mempunyai suatu hala tuju yang sampai kepada matlamat dunia kekayaannya dan mencapai keredaan akhirat itu lebih mempunyai keberkesanan yang agak jauh untuk melahirkan bangsa dan menjaga identiti jutawan kita, yang lebih bertakwa, yang mempunyai perasaan takut akan Allah S.W.T. yang observe kita sebenarnya bukan manusia. Setakat itulah sahaja pandangan saya, terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih ustazah, saya pun hendak kata macam itu juga tadi, cuma .....

**Seorang Ahli:** Tak sampai lagi.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang maksud saya tadi, usahawan yang bermoral adalah usahawan yang mempunyai sifat soleh, dia memberi manfaat kepada manusia lain dan manusia sejagat. Yang bersifat soleh tadi saya kata bentuk tadilah. Niat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad ialah membangun keseluruhan bangsa, methodnya ataupun caranya ialah mewujudkan bibit-bibit, bibit-bibit ini orang utara kata benih, bibit-bibit ini bahasa orang Indonesialah sikit, benih-benih 300 ini dicambah, benih-benih ini boleh mencambah jika dia ada sifat soleh. Orang yang soleh ialah orang yang suka tolong orang, orang yang tahu bahawa ganjaran akhirnya bukan private jet, bukan yacht iaitu kapal depa dok seronok-seronok dalam itulah. Bukan

dia pakai Roll Royce, bukan Porsche, orang yang tahu sebenarnya iaitu ganjaran di akhirat. Kalau saya usahawan yang berjaya saya dapat mewujudkan 300 usahawan yang lain dapat beri orang Padang Terap yang ustazah kata tadi, tidak ada jalan dahulu, ada jalan, bagi orang Padang Terap bermiaga, boleh datang ke Kuala Lumpur, yang boleh beri orang di kawasan Hulu Langat, bermiaga dengan baik, itu adalah satu sifat yang mencambahkan sifat dan juga praktik kesolehan itu. Iaitu memberi manfaat kepada manusia sejagat. Jadi inilah akhirnya kita balik kepada Tuhan, ustazah, iaitu kita dalam kelahi UMNO/PAS pun tidak lama Tuhan yang akan mengadili, bukannya Nik Aziz ataupun Dr. Mahathir jadi inilah kita bawa kepada situ akhirnya.

Sekian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat yang membuat pandangan terhadap Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di -Pertua:** Saya minta Kementerian Pengangkutan untuk menjawab.

#### 4.35 Ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan, semasa mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja. Saya percaya keprihatinan Yang Berhormat atas perkara-perkara di bawah bidang kawal selia Kementerian Pengangkutan adalah sesuatu yang amat menggalakkan dan dialu-alukan bagi kebaikan bersama. Di sini izinkan saya memberi sedikit sebanyak penjelasan kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii, untuk merapatkan perhubungan di antara penduduk Sarawak

dan Semenanjung dengan menggalakan rakyat di kedua-dua kawasan ini kunjung-mengunjungi di antara satu sama lain. Malangnya menurut beliau, ketiadaan satu sistem pengangkutan yang berkesan dan ekonomikal telah menghalang mereka berbuat demikian. Dengan itu kerajaan patut mencari jalan lain, selain daripada mengarahkan pihak MAS mengurangkan tambangnya dan menambahkan lagi penerbangannya khususnya dalam cuti perayaan dan sekolah. Berhubung perkara ini, ingin saya maklumkan bahawa adalah tidak benar, kita tidak mempunyai sistem pengangkutan yang berkesan dan ekonomikal yang menjadi penghalang kepada kerapatan perhubungan di antara penduduk Semenanjung, Sarawak dan juga Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sistem pengangkutan dari sudut ekonominya adalah bergantung kepada permintaan dan juga penawaran. Sebagai contoh berdasarkan kepada pertumbuhan trafik yang menggalakkan pada awal tahun 1997 Malaysian Airline System telah menambah sebanyak 6 kali seminggu, perkhidmatan penerbangannya dari Semenanjung ke Kuching iaitu bermula dari Oktober 1997 menjadi 80 kali seminggu keseluruhannya. Namun begitu, apabila kegawatan ekonomi melanda negara dan permintaan ke atas sektor tersebut berkurangan, perkhidmatan penerbangan MAS turut dikurangkan dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun pihak MAS sentiasa mengawasi perkembangan permintaan trafik serta sektor ini dan akan menambahkan perkhidmatan apabila perlu. Saya suka juga menjelaskan bahawa semenjak kegawatan permintaan penerbangan bagi destinasi dalam negara telah merosot lebih kurang 25% dan juga peringkat antarabangsa 10%.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya memaklumkan dan saya rasa Yang Berhormat juga tentu ingat, bahawa sebelum ini telah ada perkhidmatan feri di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung pada tahun 1996 bagi meningkatkan integrasi nasional dan keperluan semasa untuk mewujudkan satu bentuk perhubungan pengangkutan yang lebih murah. Kerajaan telah membina infrastruktur di Pelabuhan Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu untuk membantu

pihak swasta menjalankan perkhidmatan feri, di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Memandangkan perkhidmatan tersebut merupakan satu perkhidmatan komersial yang bergantung kepada permintaan semasa, perkhidmatan tersebut telah tidak dapat diteruskan sejak tahun 1989 oleh kerana sambutan tidak menggalakkan. Seperti mana yang telah dijelaskan dalam ucapan penggulungan sebelum ini, Kementerian Pengangkutan tiada halangan ke atas mana-mana pengusaha swasta, yang ingin menguruskan perkhidmatan feri ke Sabah dan Sarawak dan menyambut baik sebarang cadangan untuk mengadakan perkhidmatan yang sedemikian. Saya rasa sekiranya kita dapat mengadakan perkhidmatan feri yang lebih laju dengan tambang yang berpatutan ianya akan mendapat sambutan.

Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii juga mengemukakan pendapat, bahawa harga barang yang lebih tinggi di Sarawak berbanding di Semenanjung adalah dihubungkan dengan kos pengangkutan yang ditanggung oleh pengeluar dan peniaga. Oleh itu beliau menyarankan supaya semua sistem pengangkutan di Sarawak ditingkatkan kecekapannya bagi mengurangkan kos pengeluaran dengan ini harga barang-barang akan menjadi lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kos pengangkutan sama ada melalui laut, udara ataupun darat bukanlah satu-satunya faktor utama yang menyebabkan tingginya harga barang di Sarawak. Kos pengangkutan hanyalah satu daripada faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan harga barang di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Itu pun saya difahamkan adalah kecil, jika ia dibahagikan atau dipecahkan kepada kos seunit barang berkaitan. Isu ini pernah ditimbulkan di dalam Jawatankuasa Bersama Industri Sarawak yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak, dan jawatankuasa ini mengakui dan menerima hakikat bahawa kadar tambang kapal di Malaysia termasuk di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak adalah murah. Malah lebih murah jika dibandingkan dengan kadar tambang kapal yang dikenakan bagi perkhidmatan ke Singapura. Sehubungan dengan ini, ingin saya memaklumkan kepada Yang

Berhormat sejak beberapa tahun kebelakangan ini tambang kapal telah turun disebabkan kapasiti ruang kapal yang berlebihan, terutamanya dalam sektor kargo am.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli menyentuh mengenai putusnya bekalan air di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada 10 Mei, 1998. Masalah bekalan air di Lembah Klang yang berlaku hampir dua bulan sebelum ini turut memberi kesan kepada Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, walaupun persediaan berhubung dengannya telah dibuat. Untuk makluman Yang Berhormat pihak Malaysian Airport Berhad telah pun dimaklumkan oleh Jabatan Bekalan Air, Negeri Selangor bahawa Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, tidak akan terlibat dengan percatuan air. Bagaimana pun masalah bekalan air, akibat tekanan air yang rendah telah mula dikesan oleh MAB pada jam 11.00 pagi 7 Mei, 1998. Ketika itu saya pun baru balik kalau tak silap dari Kota Bharu dan saya juga telah pergi ke Terminal 3 yang tiada air-cond pada ketika itu dan juga ke Terminal 2, masih lagi ada air-cond airnya belum kering. Terminal 1, telah pun mengalami keadaan. Dan saya lihat tandas-tandas pun memang ada sedikit kekurangan air dan mereka menggunakan baldi. Jadi, mulai hari yang berkenaan pihak lapangan terbang terpaksa menggunakan bekalan air simpanannya yang hanya dapat membekalkan air selama 8 jam. 12 jam bagi menampung keperluan lapangan terbang. Pada 8 Mei, 1998 iaitu esoknya bekalan dari air paip utama telah terhenti pada jam 3.00 petang. Bekalan air dari tangki simpanan telah kehabisan. Akibat dari itu, sistem penghawa dingin terpaksa dihentikan secara berperingkat-peringkat. Perlu dimaklumkan bahawa masalah ini adalah kerana paip utama yang membekalkan air ke lapangan terbang dari Kuala Selangor telah pecah berhampiran dengan Sungai Buluh.

Untuk makluman Yang Berhormat sistem penghawa dingin ini hanya dapat mula dipulihkan secara berperingkat mulai 9 Mei, 1998 dan mencapai tahap sepenuhnya pada jam 10.00 malam pada 11 Mei, 1998. Adalah diakui masalah

bekalan air ini juga telah menjaskan keadaan tandas-tandas diseluruh lapangan terbang khasnya di balai awam bangunan terminal. Walaupun kontraktor telah pun diarahkan untuk membersihkan tandas-tandas tersebut dengan menggunakan air-air dari tong plastik. Dalam menghadapi krisis ini pihak pengurusan lapangan terbang telah mengambil beberapa tindakan bagi menentukan supaya kemudahan-kemudahan di lapangan terbang disediakan pada tahap yang tidak menyusahkan penumpang-penumpang seperti berikut;

- (i) mendapatkan bekalan air melalui lori tangki dari Jabatan Bekalan Air
- (ii) mendapatkan air dari kolam tasik di Hyatt Saujana Golf Club dan menampung penggunaan air di tandas-tandas dengan menggunakan jentera bomba dan lori tangki
- (iii) mengaggihkan bekalan air ke semua tempat yang memerlukan termasuk restoran-restoran dengan menggunakan tong-tong plastik,
- (iv) keutamaan diberi untuk membekalkan air ke tandas-tandas supaya menentukan kemudahan ini dapat terus digunakan oleh penumpang-penumpang tanpa gangguan
- (v) kontraktor-kontraktor telah pun diarahkan untuk mengawasi kebersihan tandas dan membersihkannya lebih kerap lagi.

Dengan tindakan-tindakan seperti yang saya terangkan di atas, saya rasa adalah tidak tepat bahawa pihak pengurusan lapangan terbang tidak berusaha dan prihatin dalam usaha mengawal keadaan di lapangan terbang semasa krisis bekalan air yang berlaku 10 Mei, 1998. Pihak lapangan terbang telah mengambil tindakan sedaya upaya untuk mengawal keadaan yang berlaku. Sesungguhnya apa yang berlaku ini telah memberi satu pengajaran yang baik, kepada banyak pihak termasuk pihak MAB.

Dalam lawatan saya, saya juga telah meminta pihak MAB supaya bersedia untuk menghadapi keadaan-keadaan yang mungkin berlaku pada masa depan walaupun dikatakan bekalan air tidak dicatu. Dan pihak MAB akan terus membuat

persiapan yang lebih teliti bagi menghadapi kemungkinan ini sekiranya iaanya berlaku lagi supaya keadaan yang telah berlaku ini tidak berlaku supaya air-air dapat terus dibekal melalui tangki.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin, meminta Menteri Pengangkutan mengarahkan MAS, memberi keutamaan kepada penumpang-penumpang pesara, menaiki kapal terbang dan tidak perlu menunggu kekosongan untuk mendapatkan pertolongan 25%. Saya sokong 100%lah, kerana satu hari besok saya pun jadi orang veteran juga. Macam Datin Hajah Wan Intan. Kita telah membincangkan perkara ini, bahkan dalam Mesyuarat Pos Kabinet tadi juga saya telah bawa lagi sekali meminta jasa baik MAS, supaya tidak mengenakan ‘on stand by’lah, ertiya kalau hendak dapat potongan 25% mereka kena bagi notis 7 hari, jadi baru dapat potongan. Tapi, mengikut pihak MAS, ia hendak timbang perkara ini, tapi masalahnya mereka bimbang jika disalahgunakan oleh orang-orang veteran yang kayalah. Kerana, katanya banyak juga orang korporat yang umurnya 55 ke atas dan jika diberi peluang mereka ini terus meniaga juga lepas 55 tahun, jadi dia dapat tambang yang murah. Tapi, yang ruginya MAS. Jadi, kerana itu Yang Berhormat Dato’ Menteri juga tadi menyatakan sementara ini kita rayu lagi kepada MAS, supaya MAS dapat cari apakah kaedah yang terbaik, supaya yang 55 ke atas ini, yang kaya bayar biasa yang veteran betullah, boleh dapat 25% tanpa stand by.

Jadi MAS, tengah fikir bagaimana hendak separate dua kedudukan. Sehingga mereka dapat selesai ini maka keadaan yang ada pada hari ini akan berterusan, di mana pesara-pesara perlu booking 7 harilah untuk mendapatkan tambang concession ini. Bagaimana pun jika ada kes-kes tertentu, misalnya memang dia veteran 55 ke atas tapi memang tak mampu. Yang berkaitan boleh jumpa Pengurus MAS, yang berada di lapangan terbang dan menyatakan kesnya dan pengurus akan berhubung dengan Ibu Pejabat MAS untuk mendapat kebenaran supaya dapat tiket ketika itu dan juga mendapat potongan. Tetapi ini kes-kes tertentu yang perlu dirujuk kepada pengurusan MAS.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum akhiri jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Mungkin, tidak banyak telah dibangkitkan. Jika ada yang tertinggal dan tidak dijawab oleh saya dengan jelasnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat ataupun terlepas pandang, saya mengalu-laukan supaya dapat memberitahu saya, saya boleh memberi jawapan secara lisan ataupun secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Kerja Raya menjawab.

#### **4.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbaasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor telah membangkitkan mengenai krisis air di Lembah Klang di mana kehadiran hujan masih tidak mampu meningkatkan paras ketinggian air di empangan-empangan yang ada. Yang Berhormat telah mencadangkan supaya dikuatkuasakan undang-undang agar tidak berlaku pencemaran dan pembalakan di kawasan-kawasan tadahan atau pun catchment area, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kehadiran hujan baru-baru ini sebenarnya telah meningkatkan sedikit sebanyak paras air di beberapa buah empangan di negeri Selangor. Peningkatan paras air yang sedikit ini adalah kerana kadar hujan yang turun di kawasan tadahan air adalah rendah sekali. Mengenai teguran berkaitan dengan pencerobohan kawasan punca air,

kerajaan-kerajaan negeri telah pun mengambil maklum di atas perkara ini dan akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya berhubung dengannya. Sekiranya aktiviti pembalakan tidak terancang berdekatan empangan ini, di Selangor yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat ialah aktiviti pembalakan di kawasan Sungai Lalang maka perkara ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri Selangor. Kementerian juga telah difahamkan bahawa kawasan pembalakan tersebut sebenarnya adalah di luar kawasan tadahan air yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menyentuh mengenai kejadian paip pecah yang menyebabkan pembaziran air. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tanggungjawab untuk membaik pulih sebanyak lebih kurang 40 buah paip pecah di beberapa buah kawasan termasuk di Pulau Pinang adalah juga di bawah kawalan pihak berkuasa air negeri-negeri. Kementerian telah difahamkan bahawa kebocoran sebuah paip adalah disebabkan...

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengapa pihak JKR selalu menjawab ini bidang kuasa kerajaan negeri, sedangkan kita ada Unit Penyelaras Jaban Perdana Menteri, kalau ini jawapannya tentulah pandangan rakyat di atas kredibiliti kerajaan itu tidak ada bidang kuasa yang boleh diselaraskan. Ini adalah masalah rakyat.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi menjawab ini, saya akan sampai ke situ. Ini disebabkan kebocoran paip lama dan kerja-kerja pembinaan di kawasan berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiada kebocoran disebabkan oleh perbuatan sabotaj atau lain-lain oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Pihak berkuasa air negeri telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membaiki paip-paip pecah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walaupun ianya bukan menjadi

tanggungjawab Kerajaan Pusat tetapi kerajaan negeri, tetapi kita diberitahu berkenaan dengan perkembangan yang berlaku dari masa ke semasa berhubung dengan apa yang berlaku. Bererti kalau sudah dibaiki, maka ia sudah dibaikilah. Itu sahaja yang boleh kita maklumkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan telah mencadangkan supaya pengurusan air diuruskan secara menyeluruh oleh Kerajaan Persekutuan. Cadangan Yang Berhormat supaya pengurusan air diuruskan secara menyeluruh oleh Kerajaan Persekutuan belum boleh dilaksanakan kerana seperti juga tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan belum bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk tujuan ini. Walau bagaimanapun adalah diharapkan Majlis Air Negara yang ditubuhkan akan dapat menyelaraskan perkara-perkara dasar yang berkaitan dengan air termasuk perlaksanaan, pengurusan serta penggunaan air di antara negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli supaya menukar paip-paip lama untuk mengelakkan kebocoran paip sememangnya ada di dalam pertimbangan kerajaan. Kerajaan memang sedar dan telah pun mengambil tindakan bagi mengatasi perkara ini. Oleh kerana perlaksanaan melibatkan kos-kos yang tinggi maka ia dilaksanakan secara berperingkat. Dalam Rancangan Malaysia Ke-7, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM18.57 juta untuk membiayai projek-projek menaik taraf sistem bekalan air. Peruntukan tambahan sebanyak RM106 juta telah disediakan khusus untuk projek-projek membaiki sistem bekalan air di kawasan industri. Dengan adanya program ini dan juga projek-projek serupa yang dilaksanakan oleh Kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan berharap akan dapat mengurangkan kadar air tidak berhasil atau ‘none water revenue’ daripada 37% pada masa sekarang kepada 25% pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang telah membangkitkan mengenai pembinaan Jambatan Durin di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah bersetuju supaya projek tersebut

dibuat secara runding terus. Siri peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-7 yang telah diluluskan ialah sebanyak RM100 juta. Rundingan harga di antara pihak kerajaan dengan pihak konsortium yang telah dilantik bagi menetapkan harga kontrak telah ditangguhkan buat sementara oleh kerana penilaian semula projek-projek berikutnya pemotongan peruntukan bagi tahun 1998. Walau bagaimanapun Kementerian Kerja Raya telah memberi keutamaan yang tinggi untuk melaksanakan projek Jambatan Durin ini dan pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia telah diarah untuk meneruskan proses rundingan harga dengan kontraktor. Dokumen tawaran telah dimajukan kepada pihak konsortium yang telah dilantik oleh kerajaan pada 27 April 1998 yang lepas. Adalah dijangkakan harga kontrak dapat dimuktamadkan pada bulan Oktober tahun ini dan pembinaan Jambatan Durin dijangka akan dapat dimulakan pada bulan November tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dan sekiranya ada yang lain tidak berjawab kita akan mengambil perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta pihak Kementerian Perusahaan Utama menjawab.

#### **4.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peranan dan memberikan pandangan-pandangan yang bernes serta saranan yang membina menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja bagi Penggal Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbesar hati di atas keprihatinan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Dato' Chet Singh yang menyokong dan menghargai usaha kerajaan untuk mengekalkan sektor komoditi utama sebagai sektor yang strategik bagi memajukan industri-

industri berasaskan sumber. Saya amat bersetuju dengan pandangan bahawa sumber-sumber yang ada perlu diurus secara berkekalan dan dijaga secara optimum. Di samping itu faktor alam sekitar juga perlu diambil kira bagi menjamin penggunaannya yang berterusan buat masa kini dan masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sektor komoditi utama yang merangkumi tanaman industri seperti kelapa sawit, getah, koko, nanas, lada hitam dan hasil kayu kayan adalah bergantung kepada sumber tanah untuk pembangunan yang berterusan. Sememangnya kuasa perihal tanah dan perhutanan adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri namun demikian ‘pintu’ perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sentiasa terbuka untuk menangani isu dan masalah yang kedua-dua pihak mempunyai kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pengurusan hutan secara berkekalan atau dengan izin, sustainable forest management, Majlis Perhutanan Negara adalah merupakan forum yang telah lama diwujudkan bagi membolehkan kedua-dua pihak berbincang mengenai isu dan masalah perhutanan serta mencapai kata sepakat mengenai isu dan masalah yang berbangkit. Setakat ini kerajaan berpuas hati dengan mekanisme ini dan pelbagai masalah telah dapat ditangani dan juga telah diselesaikan. Kementerian Perusahaan Utama sentiasa komited dengan pendekatan pengurusan hutan secara berkekalan ini dan telah pun mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan ianya dapat dicapai menjelang tahun 2000 selaras dengan objektif Pertubuhan Kayu Kayan Tropika Antarabangsa (ITTO) dan di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:

- (a) mewartakan kawasan hutan simpanan kekal.
- (b) kawalan catuan tebangan.
- (c) kawalan penguasahasilan hutan.
- (d) kawalan pembalakan haram dan pencerobohan hutan.
- (e) perlaksanaan pemulihan hutan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat supaya kaedah dan kriteria pemberian lesen pembalakan dibuat dengan lebih berhati-hati. Ingin saya maklumkan bahawa perkara ini telah dibincang dan diputuskan dalam Persidangan Majlis Perhutanan Negara Ke-12 pada tahun 1996. Antara perkara-perkara yang telah dipersetujui ialah keutamaan diberikan kepada industri yang berasaskan kayu mendapatkan lesen pembalakan bagi menggalakkan pertumbuhan industri hiliran yang berasaskan kayu. Majlis itu juga mengambil maklum bahawa kawasan hutan berbukit yang mempunyai ketinggian melebihi 2,000 kaki adalah merupakan kawasan hutan perlindungan dan tiada sebarang aktiviti pembalakan dibenarkan di kawasan-kawasan tersebut. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya pendekatan pembalakan berimpak rendah.....

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta laluan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' kerana diberi peluang dan laluan. Kita banyak bercakap sebelum ini di Dewan Rakyat dan Dewan Negara berkenaan dengan Majlis Perhutanan Negara melalui Dasar Perhutanan Negara dan mutakhir ini kita dapat banyak masalah yang kita hadapi, pertamanya berkenaan dengan tадahan air, keduanya masalah perubahan iklim kepada negara dan rakyat kita dan nampaknya pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berpuas hati dengan sistem pemberian lesen dan tebangan kepada khazanah hutan kita. Pada pandangan ahli-ahli sains yang berasaskan kepada perhutanan kita tidak dapat lari daripada sistem 'ecosystem' yang sedang berubah apabila tebangan telah berlaku begitu lama, sedangkan kalau kita nampak income kepada negara berasaskan kepada kos yang akan ditanggung oleh negara dari jangka panjangnya amat besar untuk memulihkan iklim dan keperluan air untuk negara. Jadi apakah buat masa ini rasional ataupun tidak pada pandangan Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri supaya langkah yang menjadi masalah sosial rakyat yang dikatakan mutakhir ini dapat diselesaikan sekiranya kementerian dengan kerjasama

kerajaan-kerajaan negeri supaya dapat mencadangkan supaya pembalakan ini diberhentikan dahulu sebelum kita menyelesaikan masalah punca air, menyelesaikan masalah hujan yang diusahakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana punca kepada air dan iklim kita sama ada kita setuju atau tidak setuju ia bergantung kepada density ataupun kepadatan kedudukan hutan tropika kita. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan atau lebih dikenali dengan nama glamour ‘Pok Li’ atas pandangan-pandangan yang berkaitan dengan isu-isu semasa dan memang tidak boleh dinafikan bahawa isu jerebu dan isu kekurangan air mendapat liputan media yang begitu hebat kebelakangan ini. Tetapi bagi pihak kementerian dan juga pihak Majlis Perhutanan ingin saya menyatakan bahawa secara keseluruhannya negara kita mengamalkan sistem tebangan memilih dan bukan sistem tebangan habis dalam menguruskan kawasan hutan terutamanya dalam hutan simpanan kekal. Ini bermakna pembalak-pembalak hanya dibenarkan menebang pokok-pokok yang dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan dan mengekalkan pokok-pokok lain untuk membesar bagi tebangan pusingan yang akan datang.

Kementerian pada setakat hari ini memang cukup berpuas hati dengan pendekatan ini dan masalah yang timbul sebahagian besarnya berkaitan dengan kesalahan hutan ataupun pembalakan haram di dalam kawasan-kawasan yang mungkin kita tidak dapat bendung atau kita tidak dapat memantau dalam keadaan-keadaan tertentu. Tetapi dalam hal ini pun kementerian telah melaksanakan pelan tindakan untuk membanteras kegiatan pembalakan haram termasuklah meminda Akta Perhutanan Negara untuk meningkatkan tindakan-tindakan ke atas pembalak-pembalak seperti mengekalkan peruntukan hukuman penjara mandatori, mengadakan peruntukan baru di mana beban untuk membuktikan perlesenan tidak melakukan kesalahan adalah terletak ke pada yang dituduh, meningkatkan had denda maksimum sehingga RM500,000, mengadakan peruntukan supaya bantuan tentera

diperolehi untuk menangani masalah pembalakan haram, tindakan juga untuk mempertingkatkan rondaan di kawasan-kawasan tersebut.

Memanglah dalam keadaan jerebu dan kekurangan air pada hari ini memberikan kita satu pendekatan yang agak kritikal dan memerlukan pihak-pihak berkenaan mengambil inisiatif yang lebih agresif untuk menangani isu ini tetapi bagi pihak kementerian saya ingin menyatakan bahawa cadangan untuk memberhentikan pembalakan yang melibatkan pembalakan haram hanya dapat kita laksanakan sekiranya penguatkuasaan dan penggunaan akta-akta yang sedia ada dapat kita jalankan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat supaya pendekatan pembalakan berimpak rendah atau dengan izin, reduce impact logging, diwajibkan bagi kawasan berbukit-bukau dan bercerun curam. Kerajaan belum ada cadangan untuk mewajibkannya. Walau bagaimanapun kementerian dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri sedang berusaha supaya kaedah tersebut dapat dilaksanakan dalam jangka masa terdekat ini. Untuk makluman Yang Berhormat sememangnya pendekatan pembalakan berimpak rendah ini seperti penggunaan sky line logging dan helikopter, berupaya mengelakkan kerosakan ke atas persekitaran hutan seperti kemusnahan kepada pokok-pokok kecil yang disebabkan penebangan pokok adalah diminimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai saranan Yang Berhormat Dato' Chet Singh yang meminta supaya satu dasar komoditi utama yang merangkumi usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), dengan izin, penggunaan teknologi tinggi, peningkatan aktiviti hiliran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan memperkuatkan rangkaian pasaran bagi mempertingkatkan keluaran komoditi utama negara agar sentiasa dapat bersaing di pasaran dunia. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa adalah menjadi dasar kerajaan untuk membangunkan industri berdasarkan sumber dengan memberi penekanan kepada pengeluaran produk siap yang bernilai tambah tinggi. Pelan Induk Perindustrian Ke-2 (IMP-2) dengan izin, telah mengenal pasti industri berdasarkan kayu sebagai

satu kelompok yang akan dibangun secara bersepada. Di samping itu industri berasaskan getah, minyak sawit dan koko telah juga dikenal pasti sebagai kelompok yang dapat dibangunkan secara yang sama di bawah konsep dengan izin, manufacturing plus-plus.

Penyelidikan dan pembangunan adalah aktiviti yang penting untuk menghasilkan teknologi serta produk-produk baru yang boleh dikomersialkan. Usaha R & D dijalankan secara berterusan yang diusahakan oleh institusi R & D awam dalam bidang masing-masing, seperti Instotut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM), Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

FRIM, PORIM dan LGM menjalankan penyelidikan gunaan, dengan izin, ‘applied research’ dalam bidang masing-masing manakala universiti-universiti tempatan menjalankan aktiviti penyelidikan asas, dengan izin, basic research. Walaupun penyelidikan yang dijalankan adalah berbeza dari segi tumpuannya, saya bersepakat dengan Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin bahawa kerjasama di antara mereka boleh dilakukan untuk menjamin hasil penyelidikan yang lebih praktikal dan membawa manfaat kepada sektor komoditi utama umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Berhormat Dato’ Chet Singh mengenai pengwujudan rangkaian (networking) antarabangsa dalam bidang pemasaran amat bernes. Kementerian Perusahaan Utama mempunyai perkhidmatan penasihat teknikal atau technical advisory services khususnya bagi komoditi minyak sawit di luar negeri untuk membantu menyebarluaskan maklumat tentang minyak sawit di samping membentuk net working dengan pasaran antarabangsa.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kejayaan komoditi utama sememangnya bergantung kepada semua pihak sama ada sektor awam, swasta, usahawan kecil dan sederhana serta tidak dilupakan juga pekebun-pekebun kecil yang memainkan peranan penting di sektor pengeluaran amnya. Setakat ini Kementerian Perusahaan Utama merasa bangga kerana kerjasama yang

ditunjukkan oleh semua pihak amatlah memberangsangkan dan hasilnya dapat kita lihat melalui peningkatan pendapatan eksport dari RM 11.1 bilion pada tahun 1985 kepada RM 36.9 bilion pada 1997. Adalah dijangkakan bahawa pada 1998 pendapatan eksport daripada komoditi dan produk yang berdasarkan komoditi akan meningkat kepada RM 40 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba supaya ses dipungut untuk tujuan tanaman semula kelapa sawit bagi sektor pekebun kecil ingin saya memperjelaskan bahawa buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk mengadakan kutipan ses bagi membiayai tanaman semula kelapa sawit. Walaupun harga minyak sawit mencapai paras yang baik ingin dimaklumkan bahawa bagi industri kelapa sawit sektor estet swasta iaitu FELDA, FELCRA serta skim kerajaan yang lain, yang merangkumi lebih daripada 90% daripada keseluruhan kawasan kelapa sawit telah mempunyai tabungan masing-masing bagi melaksanakan program tanaman semula kelapa sawit. Hanya pekebun-pekebun kecil individu yang tidak mempunyai skim pembiayaan yang dirancangkhan khusus bagi menanam semula kelapa sawit mereka perlu diberi perhatian. Memandangkan bahawa golongan pekebun kecil individu ini merangkumi kira-kira 9% sahaja iaitu 260,039 hektar daripada kawasan keseluruhan tanaman kelapa sawit negara, adalah didapati bahawa kutipan ses bagi membiayai tanaman semula kelapa sawit adalah tidak praktikal jika dibandingkan dengan getah yang mana lebih 80% daripada kawasan getah adalah di bawah sektor pekebun kecil.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedang mempertimbangkan beberapa opsyen bersama-sama dengan agensi yang berkenaan untuk mengadakan skim bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil individu termasuk pengwujudan satu skim pinjaman mudah atau soft loan, dengan izin, sementara itu kerajaan akan terus berusaha membantu pekebun-pekebun kecil berkenaan untuk menanam semula kebun kelapa sawit melalui perkhidmatan, pengembangan dan pemindahan teknologi supaya golongan ini dapat meningkatkan produktiviti dan

mutu pengeluaran mereka melalui penggunaan bijih benih yang bermutu serta teknologi dan pengurusan perladangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini sukalah saya memberi jaminan bahawa kementerian saya mengambil maklum dan akan memberi perhatian sepenuhnya ke atas pandangan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan, ulasan dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Luar Negeri menjawab.

### **5.10 ptg**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Diraja ini yang menyentuh Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sukcita dimaklumkan bahawa beberapa isu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu satunya peranan dan tanggungjawab duta-duta Malaysia, persoalan ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman pada 18 Mei. Saya ingin memaklumkan bahawa salah satu tugas penting perwakilan Malaysia di luar negeri ialah mempromosikan negara Malaysia dalam perhubungan dan dasar luarnya. Perwakilan Malaysia di luar negeri juga memainkan peranan penting di dalam rundingan dan penggubalan perjanjian secara dua hala dan pelbagai hala serta di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa iaitu di dalam usaha kita memastikan kepentingan negara kita terjamin. Di samping tugas ini, juga menjadi tanggungjawab para perwakilan Malaysia mengawasi pelaburan negara dan swasta di luar negeri. Dalam perhubungan perdagangan, perwakilan juga terlibat dalam usaha mempromosi barang-barang keluaran Malaysia dan usaha ini dijalankan bersama dengan MATRADE atau secara sendiri sekiranya tidak terdapat pejabat MATRADE. Pegawai-pegawai kedutaan sentiasa dibekalkan maklumat-maklumat

penting dan diberi latihan-latihan yang perlu dari masa ke semasa iaitu dalam usaha kita meningkatkan pengetahuan mereka mengenai kepentingan negara termasuk kepentingan ekonomi seperti pemasaran barang Malaysia.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno iaitu semua perwakilan Malaysia diberi maklumat terkini mengenai perkembangan dalam Malaysia untuk menangkis berita-berita negatif yang dipaparkan oleh media asing. Walau bagaimanapun sekiranya media luar di luar kawalan kerajaan tuan rumah, usaha duta-duta kita adalah terhad sekiranya pihak media enggan menerima penerangan yang diberi oleh duta-duta kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ulasan dari Kementerian Luar Negeri atas perbahasan atau perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas sokongan.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan Hanipah bin Ahmad minta laluan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tentang sebutan media luar negeri. Kita telah dikejutkan oleh dua media di Britain tentang peracunan pendatang haram dari Indonesia. Kita telah mendengar berbagai-bagai alasan dan penghujahan telah diberi di peringkat kebangsaan. Saya ingin tahu sejauh manakah peranan yang telah dimainkan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memberi penerangan yang khusus kepada media-media dan negara-negara luar berkaitan dengan tohmahan yang telah dibuat oleh dua media di Britain tempoh hari. Adakah kedutaan Malaysia sama-sama memainkan peranan dalam membentulkan penghujahan tersebut. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini termasuk juga di masa-masa yang lain di mana tohmahan-tohmahan yang negatif dilemparkan kepada negara kita menerusi akhbar atau media asing. Kita

mengambil tindakan menerusi seperti yang saya katakan tadi adalah menerusi kerajaan-kerajaan negara tuan rumah itu dan kita memberi statement atau menyatakan kepada kerajaan tuan rumah media asing itu bahawa ketidaksenangan hati kita atas perkara-perkara yang telah wujud dalam media di negara mereka.

Keduanya, kita juga berusaha menerusi media-media lain yang ingin mendapatkan maklumat dari kita, kita menerusi media yang lain dari media yang membuat tohmahan itu tadi, kita menyebarkan perkara-perkara yang benar mengenai negara kita dan juga kita menerusi kedutaan-kedutaan yang lain kita memberi juga maklumat-maklumat kepada mereka supaya perkara ini dapat disebarluaskan seluas-luasnya selain dari media-media tulis atau media elektronik. Jadi inilah cara-cara kita untuk menafikan perkara-perkara seperti ini dan juga kita ada Bahagian Penerangan yang bekerjasama dengan Kementerian Penerangan untuk mengemaskinikan maklumat dari negara lain dan juga mengambil perhatian perkembangan-perkembangan maklumat yang disebarluaskan mengenai negara kita Malaysia.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas kesempatan ini untuk menerima sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat atas perbahasan Titah Diraja 1998 pada Kementerian Luar Negeri. Sekian.

**Timbalan Yang di -Pertua:** Saya minta Kementerian Pertanian menjawab.

### **5.15ptg**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Senator yang telah memberi perhatian untuk membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian. Kementerian melihat perkara ini sebagai satu teguran yang ikhlas dan jujur dengan tujuan membina dan berpandangan positif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz, bin Abdul Rahman, Yang Berhormat

Senator Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Senator Puan Kamilia binti Ibrahim telah mencadangkan supaya Kementerian Pertanian menyemak dan mengubah semula Dasar Pertanian Negara dengan memberi penekanan kepada peningkatan pengeluaran makanan dan mengurangkan import.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator bahawa Kementerian Pertanian pada masa ini sedang membuat kajian semula Dasar Pertanian Negara dan sebenarnya kajian ini telah pun siap pada penghujung 1997. Walau bagaimanapun didapati beberapa perkara masih lagi kekurangan iaitu keperluan yang berbeza di antara Dasar Pertanian Negara tiga (DPN-3), dengan DPN-2 yang terdahulu, khususnya dari segi impact yang diharapkan dari DPN-3 ini. Antara lain, Dasar Pertanian Negara ini menekankan pendekatan pengeluaran bahan makanan dan juga bahan mentah industri asas tani yang diperlukan oleh negara. Strategi juga dibuat untuk mengeluarkan bahan makanan menggantikan import yang sesuai dan ekonomik dikeluarkan dalam negara.

Sehubungan ini, suka saya maklumkan bahawa Kementerian Pertanian telah pun mengambil langkah-langkah yang dinamik dan proaktif dalam menggubal dasar dan strategi mengenai pengeluaran makanan. Di antara hubungan ini, satu rangka kerja dan perancangan yang komprehensif telah disediakan. Tiga strategi utama telah diadakan dan dilaksanakan iaitu:-

- (i) meningkatkan pengeluaran dan penggunaan produk-produk tempatan secara meluas;
- (ii) meneliti semula nilai permintaan dan bekalan bagi produk-produk pertanian yang diimport dan menggantikannya dengan produk yang boleh dikeluarkan secara tempatan tertakluk kepada faktor ekonomi agro-climatic, daya maju, projek serta jenis pengeluaran yang bermusim dan

- (iii) mendapatkan bekalan alternatif daripada sumber pembekal yang lebih murah bagi bahan makanan yang tidak boleh dikeluarkan dalam negara disebabkan oleh faktor ekonomi atau agro-climatic.

Pelaksanaannya dibuat dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang dan melalui program-program di antaranya ialah: -

- (i) memperluaskan kawasan tanaman/pengeluaran;
- (ii) mengurangkan kos input pertanian;
- (iii) meningkatkan kecekapan pemasaran;
- (iv) meningkatkan kualiti dan produktiviti;
- (v) menggalakkan penglibatan dan pelaburan sektor swasta; dan
- (vi) menggalakkan industri hiliran makanan.

Program-program ini telah mula dilaksanakan dan akan diteruskan secara intensif di dalam tempoh beberapa tahun ini. Dalam hubungan ini, sukacita saya menekankan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri Pertanian, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen serta pegawai-pegawai di Kementerian Pertanian dari masa ke semasa telah menggerakkan jentera kementerian dan jabatan serta agensi-agensi di bawahnya bagi memastikan Dasar Pertanian Negara (DPN) tercapai. Di antara cara yang paling berkesan ialah dengan mengadakan lawatan ke negeri-negeri dan daerah-daerah untuk melihat sendiri isu dan masalah semasa.

Walau bagaimanapun, usaha ini agaknya kurang mendapat liputan seluasnya dari pihak media massa. Contohnya dalam isu-isu kekurangan air di KADA baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri bukan sahaja telah menarik perhatian Kabinet tentang masalah tersebut tetapi telah pergi sendiri untuk mengetahui masalah yang dihadapi di Kelantan dan memberi bantuan dari peruntukan beliau sendiri sebanyak RM30,000 kepada KADA.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan keselamatan makanan (food security) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki

bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman adalah terjamin, kerana bahan makanan utama iaitu beras dikeluarkan di dalam negara sebanyak 71.3%. Bagi bahan-bahan makanan keperluan harian lain, ianya adalah dikawal melalui pengawalan harga bagi barang-barang perlu khususnya bagi produk makanan yang dikeluarkan di dalam negara. Usaha sedang dibuat untuk memperbaiki kedudukan pengimportan bahan-bahan makanan dan input pertanian melalui tiga strategi utama seperti yang disebutkan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, "stock pile" bagi makanan utama iaitu beras adalah mencukupi jika berlaku sebarang krisis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli dan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman pula membangkitkan soal MARDI yang menurutnya mempunyai kelemahan dan tidak menjalankan tugas dengan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa berdasarkan Akta MARDI, ianya diamanahkan untuk menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dengan izin, ke atas semua jenis tanaman (kecuali getah dan kelapa sawit).

Teknologi makanan dan ternakan (kecuali ikan air tawar) dan seterusnya menyebarkan penemuan teknologi hasil aktiviti penyelidikan itu kepada petani, penternak, pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan juga pihak sektor swasta. Dalam tahun 1996, institusi ini telah membuat satu perubahan paradigma dalam menentukan halacara dan strategi korporat bagi memastikan ianya terus relevan dan diperlukan dalam arus perubahan yang cepat. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan dari segi fokus R&D dan struktur organisasi. Perubahan-perubahan tersebut telah mula menampakkan hasilnya.

Pertama, fokus penyelidikan diberi penekanan ke atas aspek penghasilan teknologi pendahulu (leading edge technologies) dan teknologi penambahbaikan (instrumental technologies) dengan izin, terhadap teknologi sedia ada. Ini bagi memastikan industri pertanian dan makanan akan terus berdaya saing dan berdaya maju, di samping mengekal dan meningkatkan produktiviti. Sebagai contoh,

variati padi MR-185 mampu menghasilkan padi sehingga 10 tan sehektar dibandingkan purata pengeluaran padi negara sekitar 3.4 tan sehektar. Jika purata ini ditingkatkan ke paras 5 – 6 tan sehektar dengan menggunakan variati ini, negara tidak perlu mengimport beras lagi. Pengeluaran teknologi yang mampu menghasilkan produk pertanian sebagai penggantian bahan import juga diberi fokus penekanan. Sebagai contoh, penghasilan variati keledek ‘Gendut’ yang mempunyai ciri-ciri yang unik dan dijangka mampu menggantikan penggunaan ubi kentang.

Kedua, penstrukturran semula organisasi MARDI telah memberi peluang peningkatan keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut ialah penyelidikan kontrak, latihan teknikal, penganalisaan bahan, pembangunan usahawan, khidmat perundingan dan khidmat nasihat, pemasaran dan unit business (Marditech Corporation Sdn. Bhd.). Kini sektor swasta dipelawa untuk mengadakan usahasama dengan MARDI bagi mengeluarkan produk pertanian dan makanan. MARDI telah menandatangani perjanjian usahasama dengan pelbagai syarikat dalam pengeluaran makanan, makanan ternakan, bunga-bungaan, cili, sayur-sayuran dan ‘knapsack sprayers’.

Di samping itu, MARDI sedang melipatgandakan usaha kerjasama dengan agensi pembangunan pertanian dan kerajaan-kerajaan negeri dan Institut Pengajian Tempatan (IPT) untuk meningkatkan pengeluaran pertanian. Sebagai contoh dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi di Barat Laut Selangor. MARDI juga sedang giat merancang untuk menubuhkan taman-taman teknologi pertanian di Serdang dan jalan kebun sebagai nukleus pembangunan pertanian ultra-moden yang lengkap dan bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang pula merayu supaya nelayan pesisiran pantai diberi perhatian serius, dari segi peruntukan untuk membeli peralatan menangkap ikan di samping usaha-usaha serta galakan bagi menarik minat kepada ternakan akuakultur, ternakan ikan air tawar dan

ternakan udang harimau. Ini kerana usaha tersebut dapat membantu mengurangkan import ikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian amat perihatin terhadap nasib nelayan khususnya nelayan tradisional di pesisiran pantai. Pelbagai kemudahan berbentuk pinjaman telah disediakan oleh kerajaan untuk membeli peralatan menangkap ikan dan projek-projek ekonomi bagi membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Selain daripada kemudahan pinjaman biasa, LKIM juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM4 juta yang disalurkan melalui Skim Pembiayaan Ikhtiar Nelayan (SPIN).

Skim ini dilaksanakan bersama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia. Skim ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada pertengahan bulan Jun 1997. Jumlah pinjaman maksimum yang dibenarkan melalui skim ini ialah RM10,000. Permohonan boleh dibuat di mana-mana pejabat Amanah Ikhtiar Malaysia dan hendaklah mendapat sokongan persatuan nelayan berkenaan. Begitu juga pinjaman menerusi Tabung Pemakanan (FFF) boleh juga dipohon.

Bagaimanapun, kerajaan amat berhati-hati dalam menangani pembangunan perikanan laut pantai memandangkan sumber-sumber perikanan telah diterokai ke tahap maksimum. Oleh itu pemberian lesen-lesen baru telah dibekukan dan nelayan-nelayan yang tidak mampu mengusahakan penangkapan secara ekonomik digalakkan menceburkan diri dalam bidang lain yang lebih menguntungkan terutama di bidang akuakultur.

Bidang akuakultur telah dikenal pasti sebagai penyumbang penting kepada pengeluaran ikan negara. Kementerian Pertanian telah membuat unjuran pengeluaran sebanyak 600,000 tan metrik menjelang tahun 2010. Perancangan ke arah mencapai matlamat tersebut telah pun dirangka di mana akuakultur akan dibangunkan secara komersil dan bersepadu dengan melibatkan sektor swasta dan penternak kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang juga telah membangkitkan soal tanah-tanah terbiar yang tidak digunakan sepenuhnya terutama seperti di Sabah dan Sarawak yang dianggap boleh membantu dalam mengurangkan import makanan. Dalam hal ini saya suka memaklumkan bahawa buat masa ini telah ada strategi dan dasar baru ke arah pembangunan industri makanan dan pengeluaran makanan bagi Sarawak yang bertujuan mencapai tiga matlamat utama: -

- (i) meningkatkan tahap mampu diri ke atas pengeluaran makanan;
- (ii) pengeluaran makanan untuk penggantian import (import substitutions); dan
- (iii) pengeluaran makanan untuk eksport.

Sehubungan itu, untuk menggalakkan pihak swasta membangunkan pengeluaran dalam industri makanan maka kerajaan negeri melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sarawak, bersedia menyediakan tanah (state land) dengan izin, kepada pelabur-pelabur tulen. Pada masa yang sama pihak kerajaan melalui jabatan-jabatan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perairan dan Saliran dan agensi-agensi yang berkaitan akan bekerjasama untuk mengeksplorasi pembangunan tanah-tanah terbiar di kawasan Skim Perparitan dan Pengairan yang berpotensi .....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan iaitu kementerian akan menggunakan agensi-agensinya di semua negeri untuk melaksanakan program bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan, adakah pihak Yang Berhormat dan kementerian menyedari bahawa terdapat agensi – saya sebut secara terus-terang, di Negeri Perlis sendiri, agensi LPP, PPN – tidak dapat

bergerak selari dengan kehendak kerajaan negeri. Kerajaan negeri sepatutnya boleh menggunakan agensi itu untuk melibatkan petani tetapi agensi berkenaan enggan bekerjasama dengan kerajaan negeri, apakah tindakan pihak kementerian terhadap pegawai-pegawai yang tidak boleh bergerak selari dengan kerajaan negeri?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri tidak boleh dipisahkan, kata P. Ramlee – “Ibarat irama dan lagu”. Jadi kalau berlaku apa-apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat, di mana agensi-agensi di bawah kementerian tidak mematuhi dan tidak bekerjasama dengan kerajaan negeri, maka tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil terutama sekali bagi menyelaraskan kegiatan tersebut, insya-Allah.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, untuk membangunkan tanah-tanah terbiar di kawasan Skim Perparitan dan Pengairan yang berpotensi untuk diusahakan secara komersial bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan.

Pembangunan tanah-tanah terbiar ini yang dianggarkan seluas 18,000 hektar di kawasan Skim Perparitan dan Pengairan bagi tahun 1995, saya hendak jelaskan – tanah-tanah yang terbiar seluruh negara seluas 650,000 hektar.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya minta maaf sebab terlepas kereta api ini. Tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bercakap menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

Saya ingin hendak cuba memberikan sedikit maklumat dan juga pengetahuan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya kes ini adalah kes yang serius. Pergeseran ini telah berlaku sekian lama dan kita dapati agensi yang berkenaan buat masa ini menunjukkan satu sikap yang berlawanan, cuba

menunjukkan kekuasaan kepada kerajaan negeri dan juga mereka yang dianggap bersama-sama dengan kepimpinan di peringkat negeri iaitu penyokong-penyokong dalam satu parti, kita tahu pegawai-pegawai kerajaan sebenarnya tidak membawa soal kepartian ini ke dalam parti, dalam tugas dan tanggungjawab mereka.

Saya dimaklumkan hari ini, Yang Berhormat Dato', seorang lagi pegawai daripada negeri Perlis mendapat surat untuk ditukarkan ke Kuala Lumpur dan kita tahu ada pegawai-pegawai yang kita nampak menyokong kerajaan negeri, ini untuk maklumat Yang Berhormat Dato' dan saya baru sahaja pagi tadi dimaklumkan oleh mereka di sana. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat dukacitalah di atas berlakunya pergeseran sebagaimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi berilah peluang kepada kementerian untuk membuat siasatan dan tindakan yang sewajarnya akan kita ambil supaya semua agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian hendaklah bekerjasama dengan kerajaan negeri dan kerajaan negeri pula hendaklah memberikan kerjasama kepada agensi kita. Pendek kata, kalau tepuk tangan sebelah dia tidak berbunyi, jadi, kedua-dua belah pihak, kerajaan negeri, agensi hendaklah bersama-sama bagi menjayakan matlamat kita untuk membangunkan target group kita - rakyat, petani dan nelayan.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa saya terangkan tadi, tanah 18,000 hektar ini dalam kawasan perairan ini, kawasan yang ada skim perparitan dan perairan kerana saya bimbang takut Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan statement selalu kita keluarkan, tanah terbiar di seluruh negara ialah sebanyak 600,000 hektar, jadi, jangan confuse dengan 18,000 hektar ini, yakni akan diusahakan sama ada oleh pihak swasta sepenuhnya atau melalui usahawan, oleh agensi seperti Pertubuhan Peladang dengan Bernas ataupun dengan lain-lain pihak syarikat swasta yang berminat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Majid bin Baba yang menggalakkan rakyat menanam sayur-

sayuran dan menternak ayam di kawasan rumah adalah satu cadangan yang baik dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian memang menggalakkan rakyat menanam sayur-sayuran di kawasan rumah untuk makan sendiri dan juga sebagai satu langkah untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan di samping mengurangkan import makanan negara.

Untuk memudahkan lagi orang ramai menanam sayur-sayuran, Jabatan Pertanian juga telah menjual benih sayur-sayuran dan takung hidroponik di samping memberi khidmat nasihat kepada institusi-institusi yang berminat menceburi bidang tersebut. Begitu juga dengan ternakan, orang ramai adalah digalakkan menternak ayam terutama di kawasan-kawasan rumah yang terletak di kampung-kampung, jangan dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali berhubung dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu yang meminta supaya Jabatan Perairan dan Saliran memainkan peranan yang lebih serius dalam menjaga dan mengawal sungai daripada pencemaran bahan kimia juga racun.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang amat prihatin mengenai perkara ini terutama dalam keadaan krisis air sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perairan dan Saliran sentiasa serius terhadap kebersihan sungai dan selalu menumpukan perhatian supaya mewujudkan sungai yang bersih. Walaupun tanggungjawab bagi pencemaran sungai dari punca bahan kimia dan racun adalah di bawah Jabatan Alam Sekitar, kementerian ini selalu bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar untuk mengawal dan mencegah kejadian keracunan pencemaran ini dengan mengadakan pemeriksaan dan melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar jika terdapat kejadian pencemaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri dasan ini, suacita saya tegaskan bahawa Kementerian Pertanian adalah memainkan peranan sebagai penggubal dan perancang dasar bagi program-program pembangunan di samping

menyelaras aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan industri pertanian. Manakala dari segi pelaksanaannya, ini saya hendak tegaskan, kementerian hanya membuat dasar, merancang dan menyelaras, tetapi dari segi melaksanakan projek-projek pertanian ini pula adalah memerlukan penglibatan secara langsung oleh kerajaan-kerajaan negeri kerana tanah ini bidang kuasa kerajaan negeri dan juga banyak agensi kerajaan negeri sama ada SEDC ataupun perbadanan-perbadanan kerajaan negeri yang terlibat secara langsung dalam industri pertanian di samping sektor swasta.

Kita selalu menyebut negara jiran kita iaitu industri pertanian mereka canggih, industri pertanian mereka agak lebih ke depan jika dibandingkan dengan negara kita. Kita akui bahawa mereka canggih sebab yang mempelopori industri pertanian mereka ialah swasta. Kerajaan hanya menjaga dari segi licensing, mengeluarkan lesen, penguatkuasaan dan sebagainya tetapi R&D, pemasaran, pemprosesan, semuanya dijalankan oleh pihak swasta, manakala di negara kita semua mengharapkan jabatan, agensi kerajaan.

Jadi, pemikiran yang seumpama inilah yang sedang kementerian saya yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Daud berusaha untuk memecahkan mental block ini iaitu daripada mengharapkan kepada kementerian semata-mata atau kerajaan semata-mata, tetapi pihak swasta sepatutnya memainkan peranan yang lebih untuk menjayakan apa yang saya sebutkan itu.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan. Sila Yang Berhormat Datuk Haji Sairin.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya cuma ingin penjelasan. Seandainya kita mengatakan dan kita mengakui bahawa negara jiran kita, saya ingat Thailand yang dimaksudkan, mempunyai kecanggihan dari segi pertanian kerana ianya dilaksanakan oleh bukan kerajaan tetapi pihak swasta, kenapa tidak kita ikut cara mereka seandainya itulah punca kejayaan atau

itulah kunci kejayaan dalam menangani masalah seperti yang kita alami dan begitu juga saya ingat negara jiran kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, hampir 41 tahun negara kita telah merdeka tetapi sikap petani-petani kita mengharapkan sepenuhnya kepada jabatan dan agensi kerajaan, ia memerlukan perubahan yang baru. Jadi, dengan sebab itulah kita telah mengadakan perjumpaan beberapa kali dengan pihak swasta termasuk usaha yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menyeru pihak swasta supaya melibatkan diri secara komersial dalam bidang-bidang ternakan lembu, kambing, ternakan akuakultur ikan dan pengeluaran pertanian yang lain. Tetapi mereka lebih berminat untuk mengeluarkan kelapa sawit kerana kelapa sawit lebih senang dan lebih menguntungkan, tetapi tidak sebagaimana negara jiran kita tidak menanam kelapa sawit, tanah mereka kurang sesuai, kemarau panjang tiga, empat bulan sehingga setahun kemarau, alternatif mereka tidak ada, untuk hidup mereka terpaksa menumpukan dalam bidang-bidang yang berkenaan. Sebab itu, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin, mari kita kempen habis-habisan supaya pecahkan mental block yang mengharapkan ini, supaya masing-masing buat berdikari dan kita menolong menerusi pinjaman bank, 3F, sama ada Amanah Ikhtiar dan sebagainya.

Jadi, saya rasalah jangan kita memberatkan sangat kepada Yang Berhormat Menteri, mengatakan Yang Berhormat Menteri tidak turun ke padang, Yang Berhormat Menteri asyik duduk di pejabat, itu tidak betul kerana boleh dikatakan kita setiap masa, setiap minggu kita keluar. Kalau dilihat di pejabat tidak berpeluang pun untuk kita berada di pejabat, kita ada di Kedah, di Perak, Selangor sampai ke peringkat daerah.

Jadi, sebab itu saya merayuh supaya kita berpaktat bersama-sama, kita berkongsi bersama-sama supaya soal masalah yang besar tadi dapat kita pecahkan

dan kita ikut sedikit sebanyak negeri-negeri yang agak lebih ke depan daripada kita dengan melibatkan pihak swasta.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menghormati pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi ada beberapa perkara yang saya mewakili petani-petani, peladang-peladang di kampung, berasa kurang senang, iaitu dari segi mental block, hendak mengubah pemikiran dan rakyat tidak mahu mengambil kesempatan.

Saya yakin penuh apa yang disebut itu, kalau kita tinjau petani-petani sebenarnya bukan petani yang menjadi masalah, contohnya pegawai-pegawai di agensi yang seharusnya memainkan peranan untuk mengubah mental block, peruntukan disalurkan melalui agensi. Agensi yang menentukan perbelanjaan setakat ini semua kerajaan negeri termasuk negeri Perlis memberi kerjasama sepenuhnya. Kerajaan Negeri Perlis melalui Menteri Besar mendapat kontrak membela anak ayam daripada KFC berjumlah 1 juta ekor tetapi malangnya Lembaga Pertubuhan Peladang negeri, agensi-agensi yang terlibat tidak langsung mengambil inisiatif untuk mengambil kesempatan ini.

Inilah yang saya sebutkan tadi, tidak timbul langsung masalah bertepuk tangan sebelah dan dua belah dan sebagainya. Inilah yang harus dilihat, bukan sahaja tugas melawat satu program yang dibuat di sesuatu tempat seperti Yang Berhormat Puan Hajah Mastika sebutkan tadi pegawai yang mengambil berat berkenaan dengan rakyat, agensi PPK tetapi pegawai yang jadi mental block itu tidak ditukar. Ini masalahnya!

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kita mengakui kelemahan kita, sebab itu mana bumi yang tidak ditimpa oleh hujan, semuanya bumi ditimpa oleh hujan.

Jadi, sebab itu saya mengakui, saya telah memberi jaminan tadi, kajian akan diambil dan kita berpuas hati dengan kerjasama oleh pucuk pimpinan di negeri Perlis. Jadi, apa yang saya minta tadi supaya kita bekerjasama di antara satu sama lain kerana soal pertanian sudah 41 tahun, bukan baru, selama 41 tahun, jadi, kita akan cuba besama-sama.

Jadi, itulah sedikit sebanyak pandangan-pandangan yang dapat saya berikan dan jika ada teguran-teguran daripada Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh maka saya akan mengambil perhatian bersama-sama dengan kementerian kerana semua pandangan ini dicatat oleh pegawai-pegawai yang bertugas. Sekali lagi saya minta maaf, apa yang berlaku ini supaya kita sama-sama memastikan industri pertanian akan dapat ditingkatkan. Terima kasih.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi seorang yang minta jalan!

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Dato'. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak sambung apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar tadi, ini cerita lain.

Yang Berhormat Dato', kita sekarang ini saya rasa semua pihak merasakan bahawa sektor pertanian kalau dahulu menjadi sektor utama dan menyara kehidupan ramai rakyat kita, negara kita negara pertanian hari ini alhamdulillah, kita menjadi negara perindustrian. Tetapi dalam masa yang sama walaupun kita menjadi negara perindustrian, bekalan makanan dan juga mereka yang ada dalam sektor pertanian ini harus kita berikan sokongan, galakan supaya mereka juga dapat menikmati hidup yang lebih baik dan dapat mengusahakan usaha-usaha dalam environment negara kita dengan lebih baik.

Saya bersetuju dengan pandangan dan pendapat yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kita melihat di negara jiran, pihak-pihak daripada sektor swasta telah pun memainkan peranan. Cuma satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga – sebab bersempadan dengan Thailand, semasa saya bekerja – daripada dahulu saya bekerja dalam bidang pertanian sebenarnya, selalu membuat lawatan ke Thailand. Di sana universiti pertanian mereka, saya pun lupa apa nama universiti pertanian mereka, memainkan peranan utama – bukan sahaja mengajar, bukan sahaja memberikan pendidikan kepada pelajar-pelajar pertanian tetapi dia direct dengan pengusaha-pengusaha dan petani-petani mereka. Sayangnya kita di sini Universiti Pertanian sudah dijadikan Universiti Putra, kita tidak ada lagi universiti pertanian, sudah hilang pun. Dari segi peranannya saya tidak tahu tetapi dari segi namanya memang sudah tidak ada lagi, cuma nampaklah kampus ada di sana, baru dua hari saya lalu di Universiti Pertanian – tempat saya belajar pun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya memikirkan bahawa R&D yang dilakukan oleh saintis-saintis yang ada di peringkat universiti dan juga di MARDI perlu diterjemahkan di peringkat pelaksanaan itu sendiri. Sekarang ini MARDI pun banyak kegiatan R&Dnya. Saya tengok dalam penerangan yang diberikan telah pun ke era swasta, maknanya apa kajian yang dibuat semua berbelanja beratus-ratus ribu ringgit untuk diimplementasikan di peringkat ground level, dengan izin.

Yang keduanya, ‘Food For Fund’ – saya ini hati-hati, takut ‘Fund For Food’. *[Disampuk]* Ha? ‘Fund For Food!’ *[Ketawa]* minta maaf, ‘Fund For Food’ – peruntukan untuk makanan ini saya difahamkan bahawa tidak banyak digunakan dan tidak ramai pun di antara golongan bumiputera yang mana petani ramai di dalam bumiputera yang memohon dan saya juga amat sedih kerana dimaklumkan bahawa ‘Fund For Food’ ini tidak termasuk di dalam sektor tanaman padi, pada hal bagi kami dari Kedah dan Perlis ini adalah merupakan kepok padi negara. Apa juga aktiviti yang hendak kita jalankan ada hubung kaitnya dengan padi. Misalnya, kita

hendak adakan industri mihun, industri laksa ataupun industri hasil-hasil downstream daripada tanaman padi ini.

Saya pohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun saya telah dimaklumkan bahawa ada kelonggaran diberikan tetapi saya hendak bercakap di dalam Dewan ini supaya saya memohon kepada pihak Kementerian Pertanian peruntukan untuk makanan ini (Fund For Food) ini dapat diperluaskan bidangnya dan juga dilonggarkan, bukan kita hendak beri begitu sahaja tetapi dari segi prosedur permohonan itu dapat dilonggarkan supaya ia benar-benar dapat dimanfaatkan untuk kita menyemarakkan dan meningkatkan pengeluaran makanan di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana saya terangkan tadi, peranan MARDI dengan panjang lebar, jadi kita ke arah itulah, insya-Allah. Tentang 3F (Fund For Food) ini, sebenarnya syarat-syarat adalah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Jadi, Kementerian Pertanian baru-baru ini telah pun membuat rayuan dengan Kementerian Kewangan supaya dapat ditambah syarat-syarat supaya dapat diperluaskan lagi penggunaannya sebagaimana yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat.

Cuma untuk menutup, saya tegaskan, banyak sangat perbandingan dengan negara jiran. Sebagai sebuah negara, kalau terlalu susah, ia akan lahirlah pelbagai idea, macam kita di sini ada alternatif yang banyak jadi idea kita kuranglah. Yang keduanya, di sana 6 juta petani sepenuh masa. Yang tidak bekerja mati tetapi kita di sini tidak sampai 500,000 petani sepenuh masa. Petani yang ada ini adalah petani sambilan sahaja sebab itu disiplin pertanian kita agak kurang kerana kehidupan kita kalau tidak bertani pun peluang untuk bekerja lain masih banyak. Jadi, sebab itu sekurang-kurangnya Ahli-ahli Yang Berhormat memahami perbandingan di antara dua negara ini, tidaklah kata orang sebaliknya memuji negara jiran tetapi tidak memuji Kementerian Pertanian. *[Ketawa]* Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada orang hendak memuji kita ya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.  
5.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam sesi perbahasan ke atas Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii telah menyentuh isu harga barang buatan tempatan di Semenanjung seperti kereta Proton yang sangat tinggi di Sarawak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjalankan kajian perbandingan harga barang-barang di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada tahun 1996 dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat di Sabah dan Sarawak. Barang-barang yang terlibat dalam kajian tersebut adalah kereta Perodua Kancil model EX dan Proton Wira 1.3, susu pekat manis, cili kering, bawang besar, oren, nescafe, daging lembu, minyak masak dan beras gred super.

Secara amnya kajian tersebut mendapati perbezaan harga di antara Kuala Lumpur dan Kuching bagi 10 barang itu tidaklah ketara bagi barang-barang yang dikawal selia seperti minyak masak, beras dan susu pekat manis. Bagi barang-barang seperti oren, bawang besar dan cili kering, perbezaan harga ketara kerana volume import ke Sarawak adalah sedikit dan sumber import adalah dari negara-negara berlainan. Misalnya bagi Semenanjung, cili kering dan bawang besar diimport dari India, manakala bagi Sarawak, cili kering diimport dari negeri China dan bawang besar diimport dari Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat.

Harga kereta Proton dan Kancil didapati lebih antara 5% hingga 7% daripada di Semenanjung dan harga mengikut perkiraan MITI, didapati juga

berbeza dengan harga EON dan Perodua. Kementerian berpendapat, pihak-pihak berkenaan wajar mengkaji semula harga-harga berkenaan. Kajian tersebut mendapati lebihan harga yang berlaku adalah munasabah apabila diambil kira kos-kos yang terlibat. Sebab utama perbezaan harga adalah kos pengangkutan dari Semenanjung atau dari negara-negara lain ke Sarawak. Kos pengangkutan dari Semenanjung tinggi kerana kapal atau kontena yang mengangkut barang-barang ini biasanya tanpa muatan dalam perjalanan balik dari Sarawak. Dengan itu kos pengangkutan kapal atau kontena yang dikenakan adalah bagi perjalanan pergi dan balik. Walaupun demikian, pihak kementerian akan sentiasa mengawasi pergerakan harga barang keperluan di seluruh negara termasuk di Sarawak agar kenaikan harga yang mendadak dapat disiasat dengan sewajarnya.

Bagi isu harga barang di kawasan pedalaman di Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, suka saya jelaskan bahawa secara umumnya kedudukan harga barang-barang berkenaan adalah ditentukan oleh faktor-faktor pasaran. Oleh itu perbezaan harga di kawasan-kawasan pedalaman seperti di Tambunan dan Keningau tentunya lebih ketara kerana ianya melibatkan kos pengangkutan dan pengedaran yang tinggi terutama memandangkan jumlah permintaan adalah kecil. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan bagi memastikan harga barang-barang terutama barang keperluan berada pada tahap yang munasabah. Pemeriksaan yang dijalankan oleh kementerian tidak tertumpu di kawasan bandar sahaja, malah meliputi di kawasan-kawasan luar bandar juga. Bagi tempoh 1 Januari 1998 hingga 15 Mei 1998, kementerian ini telah menjalankan 17,066 pemeriksaan di negeri Sabah dan 2,559 daripadanya adalah bagi kawasan luar bandar.

Berhubung dengan penempatan sekurang-kurangnya dua pegawai penguatkuasa di kawasan-kawasan seperti Tambunan dan Keningau dimaklumkan adalah menjadi perancangan kementerian untuk membuka pejabat cawangan baru di seluruh negara. Rancangan ini sedang diuruskan berikut penyerapan Bahagian Kawal Selia Padi Beras, Kementerian Pertanian ke kementerian ini. Penyerapan

bahagian tersebut akan disertai oleh 247 orang pegawai serta 19 cawangannya yang ada. Cawangan-cawangan ini akan dijadikan cawangan kementerian yang baru untuk memberi khidmat kepada pengguna sehingga ke kawasan-kawasan pedalaman termasuk Keningau. Buat sementara waktu, pegawai-pegawai dari cawangan Kota Kinabalu akan terus memberi khidmat kepada kawasan-kawasan tersebut melalui program-program pemeriksaan yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu barang-barang yang naik harga sehingga 30% terutama bahan-bahan pembinaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan, kementerian tidak menafikan bahawa terdapat kenaikan harga bagi bahan-bahan pembinaan yang diimport atau bahan-bahan pembinaan yang mempunyai elemen import. Ini disebabkan kejatuhan nilai Ringgit berbanding dengan Dollar Amerika. Walau bagaimanapun, bagi bahan-bahan binaan yang dikawal harganya seperti simen dan besi keluli bulat harganya tidak berubah. Malah telah jatuh ke paras lebih rendah daripada harga kawalan kerajaan. Ini disebabkan oleh kejatuhan permintaan ke atas bahan-bahan pembinaan ini yang berpunca daripada kelembapan pertumbuhan sektor pembinaan.

Harga bahan-bahan pembinaan lain juga turut jatuh akibat kegawatan ekonomi dan persaingan di antara pembekal. Kementerian berpendapat faktor pasaran akan terus memainkan peranan penting dalam menentukan harga di samping peranan pengguna yang perlu mengutamakan barang buatan tempatan. Dalam pada itu, kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak pengeluar dan pengimport untuk tujuan menstabilkan harga. Mereka termasuklah pengilang simen, pengeluaran barang-barang bayi, pengimportan buku, pengilang air galian dan beberapa industri lagi. Dalam masa yang sama, kementerian meluluskan pengawasan harga secara penstabilan ke atas beberapa barang perlu yang umumnya didapati stabil dan tidak dinaikkan tanpa terlebih dahulu dirujuk kepada kementerian.

Di samping itu, kementerian telah menjalankan 196,247 pemeriksaan di seluruh negara pada tahun ini sehingga 16 Mei 1998. Diberi pemeriksaan yang dijalankan ini, kementerian telah mengambil 2,117 tindakan kes terhadap peniaga-peniaga yang melakukan pelbagai kesalahan dengan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM5.05 juta.

Seterusnya berhubung dengan permohonan Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor agar kementerian ini tidak mengeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat yang menggunakan wanita sebagai bahan iklan. Yang Berhormat memaklumkan berkenaan syarikat-syarikat yang mengiklankan barang dan syarikat-syarikat pengilangan yang membuat sesuatu iklan tidak dilesenkan oleh kementerian ini. Syarikat-syarikat berkenaan adalah bebas untuk menyediakan iklan dan tertakluk kepada kod etika pengiklanan yang disediakan oleh pihak industri sendiri. Dalam hubungan ini, iklan yang menggunakan wanita sebagai model adalah dibenarkan jika iklan-iklan tersebut tidak menjolok mata. Pada masa yang sama juga kerajaan mempunyai agensi-agensi tertentu untuk membuat penilaian ke atas iklan-iklan. Kementerian Penerangan umpamanya membuat tapisan ke atas setiap iklan sebelum ianya disiarkan di media elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin supaya persatuan-persatuan pengguna menjalankan aktiviti-aktiviti atau kempen untuk menyedarkan pengguna tentang peranan pengguna. Sesungguhnya, saranan ini adalah bersesuaian dengan hasrat kementerian yang ingin melihat persatuan-persatuan pengguna di seluruh negara bergiat dengan lebih aktif. Untuk mencapai tujuan tersebut tiap-tiap tahun kementerian ini memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna termasuk FOMCA untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan tersebut. Satu mesyuarat baru telah diadakan pada 18 Mei 1998 dengan semua pengurus persatuan pengguna negeri termasuk FOMCA di mana kementerian ini telah menyarankan supaya organisasi persatuan-persatuan pengguna disusun semula dari segi keahlian, struktur serta tatacara pemilihan

kepimpinan. Kementerian telah juga meminta persatuan-persatuan pengguna mengadakan kempen menggalakkan orang ramai menjadi ahli persatuan pengguna untuk memantapkan pengurusan persatuan pengguna. Adalah diharapkan semua persatuan pengguna akan menjadi lebih aktif untuk membantu kementerian menyelesaikan masalah-masalah pengguna.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail membangkitkan mengenai keperluan pengemaskinian undang-undang berkaitan dengan operasi syarikat kongsi masa (time sharing) kerana terdapatnya pengarah syarikat-syarikat berkenaan menyalahgunakan wang pelabur. Adalah dimaklumkan bahawa pada masa sekarang skim-skim kongsi masa adalah diperlukan mematuhi kehendak-kehendak di bawah Bahagian V, Penggal IV, Akta Syarikat 1965 kerana ia terjatuh di bawah taksiran perkataan “interest”.

Di samping itu satu garis panduan telah dikeluarkan yang mesti dipatuhi oleh skim-skim tersebut sebelum sesuatu skim boleh diluluskan untuk menawarkan syer kongsi masa kepada orang awam. Garis panduan tersebut dikemaskinikan dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa dan untuk memastikan pembeli lebih diberi perlindungan kepada pemegang-pemegang syer Kongsi Masa. Mengikut kehendak Akta Syarikat 1965 dan garis panduan yang dinyatakan itu segala wang amanah atau trust money bagi sesuatu skim hendaklah dipegang dan diuruskan oleh seorang pemegang amanah yang biasanya merupakan sebuah syarikat pemegang amanah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949. Oleh yang demikian aduan bahawa ada pengarah syarikat menyalahgunakan wang pelaburan mungkin tidak akan berlaku melainkan pihak pemegang amanah bersubahat dengan pengarah syarikat. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai apa-apa maklumat bolehlah mengemukakan kepada Pejabat Pendaftar Syarikat untuk siasatan dan tindakan yang lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan serta

membahaskan isu-isu yang menyentuh bidang kuasa kementerian ini bagi perkara-perkara yang tidak diberi jawapan atau tekanan sewajarnya di dalam Dewan yang mulia ini. Sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan itu akan diambil perhatian oleh kementerian agar ianya dapat diperbetulkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pendidikan.

#### **6.14 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja yang telah membangkitkan pelbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Dalam jangka waktu yang terhad ini seberapa boleh saya akan memberikan penjelasan kepada perkara-perkara spesifik yang telah ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany dan Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim telah membangkitkan isu penghantaran pelajar ke luar negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada dasarnya kerajaan akan mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara melainkan dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, pergigian, farmasi dan beberapa bidang yang tidak ditawarkan di IPT tempatan. Semua pelajar tajaan yang sedang mengikuti pengajian di luar negara tidak akan dipanggil pulang sehingga tamat pengajian agar pelajaran mereka tidak terganggu. Kementerian telah mengambil kira kesukaran yang akan dihadapi sekiranya mereka dipanggil pulang dan menyambung pelajaran di universiti tempatan terutama dari segi pemindahan kredit dan juga kesesuaian kursus.

Langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk mengehadkan pelajar-pelajar ke luar negara seperti menambah enrolment di institusi pengajian tinggi awam, menggalakkan penubuhan universiti swasta dan mengadakan program berkembar dengan universiti-universiti di dalam dan luar negara. Sehingga kini

terdapat sembilan kursus Ijazah Berkembar yang dijalankan oleh IPTS dengan universiti-universiti tempatan dan 43 program berkembar di IPTS dengan universiti-universiti luar negara.

Berhubung dengan saranan untuk menambah bilangan graduan perubatan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii beberapa langkah telah diambil antaranya ialah meningkatkan jumlah pengambilan pelajar dalam bidang perubatan di universiti-universiti tempatan. Contohnya bilangan pengambilan bagi program perubatan untuk sesi akademik 1998/1999 telah meningkat kepada 804 orang, daripada 565 orang pada sesi akademik 1996/1997. Di samping itu juga Fakulti Perubatan telah diwujudkan di tiga buah lagi universiti iaitu Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Putra Malaysia. Pelajar-pelajar bidang perubatan juga digalakkan melanjutkan pengajian ke peringkat pasca siswazah untuk menampung kekurangan pakar-pakar perubatan khususnya di Hospital-hospital Universiti. Bilangan pegawai perubatan yang berpeluang melanjutkan pengajian di IPTA untuk menjadi doktor pakar telah meningkat daripada 248 orang pada sesi akademik 1994/1995 kepada 509 orang bagi sesi akademik 1998/1999 iaitu peningkatan sebanyak 105%.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah mengesyorkan agar diwujudkan dana pinjaman pendidikan bagi membantu pelajar-pelajar melanjutkan pengajian ke luar negara. Buat masa ini kerajaan telah menujuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar di peringkat ijazah pertama universiti tempatan. Sehubungan itu juga Kementerian Pendidikan melalui perbadanan sedang memikirkan untuk menujuhkan Skim Tabung Amanah ataupun Trust Fund, dengan izin bagi orang ramai menabung untuk faedah pendidikan masa hadapan seperti yang dibenarkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Berhubung gesaan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman agar Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996 dikaji semula kerana

didakwa menyekat percambahan intelektual pelajar, suka saya nyatakan bahawa kerajaan belum bercadang untuk meminda akta tersebut. Perlu ditegaskan bahawa peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam akta ini ialah untuk menghalang penglibatan pelajar dalam politik extremis yang tidak membina. Semasa di universiti, pelajar seharusnya menumpukan perhatian untuk mencapai kecemerlangan akademik serta menceriakan personaliti dan rasa tanggungjawab mereka.

Menyentuh isu kualiti kursus-kursus yang ditawarkan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa mengawal selia taraf pencapaian institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Kerajaan telah menujuhkan Lembaga Akreditasi Negara melalui Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 yang berkuatkuasa mulai 15 Mei 1997. Badan ini bertanggungjawab terhadap penentuan kualiti kursus dan menentukan mutu pendidikan terjamin serta mengikut acuan Dasar Pendidikan Negara. Lembaga Akreditasi Negara juga dapat memberikan unit standard pendidikan yang diperlukan.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng mengenai menaik taraf kolej-kolej kepada universiti, kerajaan sudah pun mengorak langkah ke arah tersebut. Setakat ini lapan agensi swasta telah dipelawa untuk menujuhkan universiti dan daripada jumlah tersebut 3 buah universiti swasta sudah beroperasi iaitu Universiti Telekom, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Teknologi Petronas.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Kamilia binti Ibrahim agar semua IPT diberi kemudahan-kemudahan terkini sesuai dengan era teknologi maklumat, perkara tersebut memang sedang dilaksanakan sama ada di IPTA atau IPTS.

Berhubung cadangan membina IPTA di setiap negeri oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, pada masa ini kerajaan belum bercadang membina IPTA yang baru. Namun demikian, enrolment pelajar di IPTA akan dipertingkatkan

kepada 20,000 setiap IPTA menjelang tahun 2000 di samping membina kampus-kampus cawangan.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany telah mempersoalkan kualiti pengajaran tenaga pengajar asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa memastikan tenaga pengajar asing yang diambil berkhidmat secara kontrak di universiti-universiti tempatan mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Kebanyakan mereka yang berkhidmat di negara ini mengajar dalam bidang-bidang kritikal seperti Perubatan, Kejuruteraan dan Farmasi. Walau bagaimanapun, usaha-usaha telah diambil untuk menambah tenaga pengajar tempatan seperti mengadakan skim latihan akademik bagi mendapatkan tenaga kerja baru, memperbaiki skim perkhidmatan pensyarah melalui pengkorporatan universiti untuk mengekalkan pensyarah yang berpengalaman dan menarik golongan akademik yang berkaliber berkhidmat di universiti tempatan. Pada masa ini terdapat seramai 1,395 orang tenaga pengajar asing di institusi-institusi pengajian swasta.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli juga telah meminta kerajaan meningkatkan kempen ke arah ‘Pendidikan Sepanjang Hayat’. Dalam hubungan ini, Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) menawarkan kursus-kursus pendek di peringkat sijil dan diploma bagi mereka yang sudah bekerja untuk meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran dalam sesuatu bidang. Bagi program-program di peringkat ijazah pula, ia dijalankan pada hujung minggu di samping memperluaskan program Pengajian Jarak Jauh (PJJ). Ini adalah sejajar dengan matlamat untuk memberi peluang yang lebih banyak kepada rakyat mendapat pendidikan di peringkat tinggi dan tiada batasan untuk mengeluarkan bilangan yang berkelulusan Ph.D oleh universiti-universiti sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dato' Chet Singh telah mencadangkan agar pendidikan latihan teknikal diadakan secara meluas agar para belia tidak

ketinggalan di pasaran kerja. Dalam hubungn ini, kerjasama daripada sektor-sektor swasta amat dialu-alukan. Sebagai contoh, baru-baru ini sebuah syarikat swasta buat pertama kali telah bersetuju menganjurkan program latihan kemahiran bagi pelajar-pelajar yang gagal dalam SPM dan SPVM. Program ini merupakan satu ‘perkongsian pintar’ antara kementerian dengan sektor swasta yang membolehkan Kementerian membekalkan tenaga kerja mahir kepada syarikat-syarikat swasta. Dalam pada itu pendidikan teknikal di sekolah-sekolah akan dipertingkatkan selaras dengan keperluan tenaga mahir sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tan Swee Hueng.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany dan Yang Berhormat Tuan S. Parasuraman telah memohon penjelasan tentang pengisian konsep bestari ke arah mewujudkan budaya berfikir di kalangan pelajar bagi mencapai Wawasan 2020. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah bestari merupakan salah satu daripada tujuh aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia yang bertujuan menyediakan generasi muda yang pakar dalam bidang sains dan teknologi maklumat. Pelajar-pelajar didedahkan kepada penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran lebih menjurus kepada pembentukan individu dan pembelajaran kendiri. Sekolah-sekolah bestasi mengamalkan budaya berilmu, berfikiran dan penyayang. Teknologi digunakan secara meluas untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, serta pengurusan di sekolah. Pelajar-pelajar dididik supaya bersifat global dan mampu beroperasi di arena antarabangsa.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim telah menyarankan kecemerlangan pendidikan diseimbangkan dengan pendidikan iman dan rohani. Sistem pendidikan yang dilaksanakan sekarang merupakan sistem pendidikan bersepadu. Kita perlu lebih optimis bahawa pendidikan yang bersepadu ini akan menyediakan sumber tenaga manusia berakhhlak mulia dan beriman untuk membangunkan negara, sesuai dengan cabaran negara pada masa hadapan.

Mengenai mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral di IPTS, perkara ini sudah pun digariskan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Dalam Akta tersebut, semua IPTS diwajibkan mengajar mata pelajaran yang berhubung dengan pengajian Agama Islam bagi pelajar Islam dan Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam.

Berhubung dengan isu kuota kemasukan anak-anak bekas pelajar ke sekolah-sekolah berasrama penuh (SBP) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan suka saya nyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah menetapkan beberapa syarat. Antaranya, anak bekas pelajar tersebut mestilah memenuhi kelayakan yang ditetapkan memasuki sekolah berasrama penuh dan ibu bapa mereka haruslah bersedia memainkan peranan yang aktif bagi memajukan prestasi sekolah berkenaan. Perlu ditegaskan, hanya 5 buah Sekolah Berasrama Penuh sahaja diberi kelonggaran bagi tujuan tersebut.

Mengenai cadangan untuk mewujudkan ‘sekolah cemerlang’ bagi menampung kekurangan tempat di sekolah berasrama penuh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, Kementerian Pendidikan telah dan sedang mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah membina Sekolah Berasrama Penuh yang baru, mewujudkan kelas-kelas rancangan khas aliran biasa dan agama di sekolah-sekolah menengah dan mewujudkan sekolah yang berkonsepkan sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah kawalan yang dikelolakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin telah menyentuh masalah keciciran di kalangan pelajar Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha utnuk mengatasi masalah ini dan antara langkah yang diambil adalah dengan mengadakan program motivasi, program induksi, pendekatan bersepadau 3M dan menyediakan sukatan anjal mengikut kemampuan murid. Kementerian juga sedang meneliti program melanjutkan tempoh persekolahan dari 6 tahun hingga tahun 7 tahun. Mengenai kelonggaran syarat bagi

Orang Asli memasuki maktab perguruan, pertimbangan tetap diberikan sekiranya calon berkenaan memenuhi kelayakan tahap minimum yang diperlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang dan Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahman, pengurangan peruntukan untuk pendidikan bukan sahaja terbatas kepada Negeri Sarawak, tetapi meliputi seluruh negara. Menyentuh isu subsidi makanan yang ditimbulkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat bagi pelajar-pelajar asrama di negeri Sarawak, kementerian akan memastikan peruntukan tambahan disediakan bagi maksud ini, sekiranya peruntukan awal tidak mencukupi. Kementerian memberi jaminan bahawa bekalan makanan bagi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah berkenaan tidak akan terjejas.

Mengenai kemudahan skim pinjaman buku teks yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Ah Eng, perlu dijelaskan bahawa mulai 1 April 1998 murid-murid di semua jenis sekolah termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) layak mendapat kemudahan termasuk berdasarkan kepada pendapatan ibu bapa atau penjaga. Sekiranya pendapatan bulanan ibu bapa atau penjaga kurang daripada RM700, semua anak mereka yang bersekolah layak mendapat pinjaman buku teks.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany, Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang, Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno dan Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahman, menggesa kementerian mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan membekalkan kemudahan komputer di sekolah-sekolah luar bandar. Kementerian Pendidikan amat prihatin kepada keperluan persekolahan masyarakat luar bandar dan sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan infrastruktur terutamanya pembinaan sekolah-sekolah baru bagi menampung keperluan masyarakat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan dan membaik pulih sekolah-sekolah akan terus dilaksanakan. Pihak kementerian juga mengadakan projek untuk menambah bilik-bilik darjah di bawah program bagi sekolah-sekolah daif serta membekalkan komputer secara berperingkat bagi sekolah-sekolah di

kawasan pedalaman. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju menambah peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta kepada Kementerian Pendidikan dan daripada jumlah tersebut RM200 juta adalah untuk membiayai kemudahan infrastruktur pendidikan di seluruh negara. Ini merupakan jaminan bahawa tumpuan terhadap reformasi pendidikan tidak terjejas dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang.

Mengenai menaik taraf sekolah-sekolah Tamil yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan S. Parasuraman dalam Rancangan Malaysia Ke-7, sebanyak 27 projek yang melibatkan sekolah-sekolah Tamil telah pun diluluskan dengan peruntukan RM12.6 juta. Dalam masa yang sama, pihak kementerian juga sedang meneliti permohonan sebanyak 94 lagi projek ubahsuai dan naik taraf Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Guru-guru yang terlatih juga akan dibekalkan untuk meningkatkan prestasi sekolah-sekolah tersebut.

Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang juga telah membangkitkan isu guru-guru lepasan maktab perguruan yang belum ditempatkan di sekolah-sekolah di negeri Sarawak. Saya ingin menjelaskan bahawa kesemua 485 orang guru lepasan maktab di Sarawak yang tamat kursus pada penghujung tahun 1997 telah ditempatkan di sekolah-sekolah pada awal bulan Mei ini. Memanglah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk menempatkan guru-guru terlatih terutama dalam mata-mata pelajaran kritikal seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris di kawasan pedalaman sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahman demi meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan tersebut. Namun demikian, masalah yang timbul ialah mengekalkan mereka yang berpengalaman, kerana ramai yang ingin kembali dan berkhidmat di tempat asal setelah tamat tempoh bertugas di kawasan pedalaman.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan telah membangkitkan isu kenaikan pangkat guru-guru ‘time-based’ dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM18.9 juta bagi tahun 1998

untuk tujuan tersebut dan ia akan dilaksanakan setelah prosedur-prosedur pemilihan selesai dijalankan.

Berhubung dengan isu UPU Infoline dan masalah kemasukan pelajar ke IPTA tahun ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail dan Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, suka saya nyatakan bahawa Kementerian Pendidikan amat prihatin terhadap masalah ini dan memahami perasaan pelajar-pelajar dan ibu bapa mereka. Antara sebab pelajar tidak mendapat maklumat dari UPU Infoline ialah kerana data input daripada pelajar di UPU berbeza dengan data input ke telefon apabila pelajar membuat panggilan. Cara menekan telefon semasa memasukkan nombor kad pengenalan juga memainkan peranan. UPU Infoline hanya boleh dihubungi dengan menggunakan telefon rumah atau Atur 450. Kementerian Pendidikan akan membuat post-mortem, dengan izin, berhubung masalah-masalah yang timbul dan memberi jaminan bahawa perkara tersebut akan cuba diatasi serta cuba memastikan pelajar-pelajar yang layak akan mendapat tempat di institusi-institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sedar terdapat beberapa perkara lagi yang tidak sempat saya jelaskan di sini. Perkara-perkara tersebut akan diberi perhatian dan akan diambil tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan berterusan, teguran membina dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat Majlis mesyuarat ditangguhkan kepada besok hari pada jam 2.30 petang

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

DN.20.5.98

104